

DARIPADA Abi Hurairah Radiallahuanhu ia berkata :  
Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya :  
"Barang siapa suka supaya dimakbulkan doanya oleh Allah Subhanahu Wata'ala di waktu kesulitan dan kesusahan, maka hendaklah dia memperbanyakkan doa di waktu senang".  
(Riwayat Al-Imam At-Tirmizi).

## MANFAATKAN AI SECARA INKLUSIF, BERETIKA DEMI PEMBANGUNAN MASYARAKAT

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang  
Haji Kamis

**BERAKAS**, Sabtu, 4 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menyambut baik tema Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) pada tahun ini iaitu 'Inovasi AI : Pemangkin Pembangunan Masyarakat'.

Tema ini, titah baginda, memberi isyarat bahawa Kecerdasan Buatan (AI) yang kini tampil sebagai gelombang baharu yang sedang membentuk wajah dunia, perlu dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya, secara inklusif, beretika dan demi kepentingan pembangunan masyarakat.

Bertitah pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi anjuran YSHHB, hari ini di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini, tidak dinafikan, tambah baginda, potensi inovasi AI amatlah luas dalam memacu kemajuan dan daya saing.

Namun demikian, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, perkara ini hendaklah ditangani dengan penuh bertanggungjawab, supaya semua manfaatnya dapat diraih tanpa mengabaikan tuntutan etika, tadbir urus yang baik, keadilan sosial dan rohani generasi akan datang.

"Pada pandangan beta, tumpuan utama



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.

hendaklah diberikan kepada bidang-bidang yang memberi impak langsung kepada kehidupan rakyat seperti memperkukuh perkhidmatan awam, meningkatkan mutu pendidikan, menambahkan kecekapan

sistem kesihatan, memajukan Perusahaan, Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) serta melahirkan tenaga kerja yang mahir.

>> Muka 2

### Memperkukuh keupayaan operasi, mempertingkatkan aset kenderaan polis

Siaran Akhbar :  
Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 4 April. - Dalam usaha berterusan memperkukuh keupayaan operasi serta mempertingkatkan aset kenderaan polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) baru-baru ini telah menandatangani kontrak Pembekalan dan Penyewaan Kenderaan Kategori Motosikal bagi tempoh lima tahun.

Majlis berkenaan berlangsung di Dewan Bankuet, Kompleks Ibu Pejabat Polis Gadong, yang melibatkan dua syarikat automotif, iaitu QAF Auto Sendirian Berhad dan BTOP Motor Sendirian Berhad.

>> Muka 11

## Sentiasa menjaga kewajipan di Hari Raya

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 5 April. - Walaupun bulan Ramadan telah berlalu dan Syawal kini menyusuli, amalan ibadah tidak seharusnya terhenti. Sebaliknya, hendaklah terus disemai dan diperkukuh dalam hati setiap individu Muslim.

Penekanan perlu diberikan kepada kepentingan menjaga dan memperbaiki hati kerana hati merupakan asas kepada baik atau buruknya keseluruhan amalan seseorang.

>> Muka 10

## Sambutan Jubli Perak Syarikat Stesen Minyak PCPB

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**TUTONG**, Ahad, 5 April. - Sambutan Jubli Perak Syarikat Stesen Minyak Perusahaan Cahaya Pakatan Berhad (PCPB), satu mercu tanda penting yang menandakan ketahanan, kematangan dan kecemerlangan syarikat ini selama tempoh penubuhan 25 tahun.

25 tahun, bukan satu tempoh masa yang singkat. Sepanjang tempoh dua setengah dekad lalu, syarikat tersebut telah

menjadikan prinsip kejujuran dan integriti sebagai pemangkin kejayaan syarikat.

Demikian dinyatakan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Jubli Perak Syarikat Stesen Minyak PCPB yang berlangsung di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong, hari ini.

>> Muka 10

## Berita Utama



SANTAI Aidilfitri eratkan silaturahmi

Muka 11



MEMPERKUKUH penghayatan Al-Quran dalam kalangan pelajar

Muka 19



MEMPERKUKUH kesejahteraan komuniti, kesiapsiagaan hadapi situasi kecemasan

Muka 21



AWAL yang sihat, masa depan penuh harapan

Muka 20

# Manfaatkan AI secara inklusif, beretika demi pembangunan masyarakat

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis  
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin

## >> Muka 1

"Pendekatan seperti ini adalah selaras dengan hasrat negara ke arah merealisasikan Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai sebuah Smart Nation, sejajar dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

"Di sinilah pelbagai pihak yang berkenaan perlu berganding bahu untuk melengkapkan para belia dan tenaga kerja tempatan dengan kelayakan dan kemahiran tertinggi," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dalam titah, baginda menegaskan bahawa pembangunan AI tidak boleh dilihat hanya dari sudut teknologi tetapi hendaklah juga dinilai dari sudut kemanusiaan, keadilan dan kelestarian. AI, titah baginda lagi, mesti dimanfaatkan untuk memperluas peluang dan bukan memperdalam jurang serta untuk

memperkasakan daya cipta manusia, bukan melemahkannya.

"Beta sangatlah mengalu-alukan kehadiran para peserta yang terdiri daripada para pegawai daripada agensi kerajaan dan sektor swasta, para usahawan dalam bidang teknologi AI, sektor perbankan, para pendidik dan pelajar golongan belia serta ketua-ketua komuniti akar umbi, yang masing-masing memainkan peranan penting dalam menyumbangkan idea, karya dan komitmen ke arah membentuk masyarakat yang celik teknologi, berdaya tahan, berdaya saing dan bersedia mendepani cabaran masa hadapan.

"Kehadiran dan penglibatan semua pihak ini amatlah bermakna untuk memperkukuh usaha negara memanfaatkan AI secara inklusif, beretika dan berkesan, demi kemajuan dan kesejahteraan masyarakat," titah baginda.

Terdahulu dalam titah,

Kebawah Duli Yang Maha Mulia menzahirkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua, kita di negara ini berpeluang lagi meraikan hari kemenangan umat Islam, Hari Raya Aidilfitri, dalam suasana aman, sejahtera dan riang gembira.

Dalam meraikan hari yang mulia ini, titah Kebawah DYMM, kita tidak boleh lupa mendoakan sebahagian umat Islam dan masyarakat di beberapa buah negara yang sedang diuji dengan pergolakan, sehingga menyebabkan rakyat dan penduduknya mengalami kesusahan dan penderitaan.

Sesungguhnya, titah baginda lagi, keadaan sedemikian ini cukup menginsafkan kita untuk sentiasa mensyukuri nikmat keamanan yang telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita. Kerana itu, adalah wajar untuk kita membalas nikmat itu dengan amal soleh yang tiada penghujungnya.

"Kita berdoa semoga dengan usaha bersepadu, kerjasama semua pihak dan petunjuk serta pertolongan Allah Subhanahu Wata'ala juga, NBD akan terus



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

melangkah sebagai sebuah negara, yang bukan sahaja bersedia menghadapi masa depan digital, bahkan juga mampu untuk memelopori perubahan dengan bijaksana dan bertanggungjawab," ujar baginda mengakhiri titah.

WAKTU SEMBAHYANG										
APRIL MASHIHI	HARI	SYAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
6	ISNIN	17	4.50	5.00	6.17	6.40	12.24	3.27	6.28	7.38
7	SELASA	18	4.49	4.59	6.17	6.39	12.24	3.27	6.28	7.38
8	RABU	19	4.49	4.59	6.16	6.39	12.23	3.28	6.28	7.38
9	KHAMIS	20	4.48	4.58	6.16	6.38	12.23	3.28	6.28	7.38
10	JUMAAT	21	4.48	4.58	6.16	6.38	12.23	3.28	6.28	7.38
11	SABTU	22	4.47	4.57	6.15	6.38	12.22	3.29	6.28	7.37
12	AHAD	23	4.47	4.57	6.15	6.37	12.22	3.29	6.28	7.37

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan 31 24 °C	31 24 °C	31 24 °C	
Pekan Bangar 31 24 °C	31 24 °C	31 24 °C	
Pekan Tutong 31 24 °C	31 24 °C	31 24 °C	
Kuala Belait 31 24 °C	31 24 °C	31 24 °C	

Wallahualam Bissawab  
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi  
www.mef.gov.bn

## SIDANG PENGARANG

6 APRIL 2026

### Sayangi, buang stigma negatif terhadap anak autisme

**T**IDAK semua ditakdirkan mempunyai anak yang sihat, bijak, pintar, sempurna dan aktif. Setiap ibu bapa yang dikurniakan dengan anak adalah bertuah, tidak kira bagaimana keadaan anak tersebut.

Bagi sesetengah orang, menerima berita bahawa anak mereka menghidap autisme atau Autism Spectrum Disorder (ASD) mungkin dilihat sebagai satu musibah atau kifarrah. Namun, pandangan sebegini perlu diubah kerana anak autisme bukanlah satu bebanan, tetapi satu anugerah yang unik dan memerlukan perhatian serta kasih sayang yang istimewa.

Langkah pertama bagi ibu bapa adalah menerima keadaan anak mereka dengan hati yang terbuka. Menyedari bahawa setiap anak adalah unik dan mempunyai kelebihan serta kekurangan masing-masing adalah penting. Berkongsi pengalaman dan nasihat dengan ibu bapa lain yang mempunyai anak autisme boleh menjadi sumber kekuatan dan inspirasi.

Anak autisme mungkin menghadapi cabaran dalam berkomunikasi secara lisan, memahami bahasa tubuh, atau berkongsi emosi. Namun, mereka juga sering menunjukkan kekuatan dan bakat yang luar biasa dalam bidang tertentu seperti muzik, seni, dan lain-lain. Justeru sokongan fizikal dan mental kepada ibu bapa sangat diperlukan agar mereka tetap kuat dan bersemangat menjaga, melindungi dan memelihara anak istimewa ini.

Anak autisme memerlukan sokongan dan kasih sayang yang berterusan. Anak yang memiliki autisme cenderung mendapat stigma negatif, terlebih jika mereka sudah mulai memasuki dunia sekolah. Mereka mungkin memerlukan terapi dan intervensi awal untuk membantu mereka mengembangkan kemahiran tertentu tetapi ini tidak bermakna mereka kurang berharga atau lebih rendah daripada anak-anak lain.

Masyarakat perlu mengubah perspektif mereka terhadap autisme. Melabelkan anak autisme sebagai beban kepada keluarga adalah tidak adil dan menambah tekanan kepada keluarga yang sudah pun menghadapi cabaran.

Sebaliknya, kita perlu memberi sokongan moral kepada ibu bapa serta mengiktiraf keunikan dan potensi anak autisme. Dengan pendekatan yang betul, anak autisme boleh menjalani kehidupan yang produktif dan bermakna.

Pendidikan inklusif adalah penting untuk anak autisme. Mereka perlu diberi peluang untuk belajar dan berkembang dalam persekitaran yang menyokong dan memahami keperluan mereka. Guru dan rakan sekelas juga perlu dididik tentang autisme supaya mereka dapat berinteraksi dengan baik dan menyokong perkembangan sosial.

Kesimpulannya anak autisme merupakan satu anugerah yang memerlukan kita untuk lebih memahami, menyokong, dan menghargai keunikan mereka. Dengan sokongan yang betul dari keluarga, masyarakat, dan sistem pendidikan, anak autisme boleh mencapai potensi penuh mereka dan menjalani kehidupan yang bermakna. - **Ketua Penyuntingan (Ri)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دتریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سنیدین برحد، نکارا برونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# BERKENAN BERANGKAT KE SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI YSHHB



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang dianjurkan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB). Turut berangkat, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda serta Yang Amat Mulia Tunku Idris Iskandar Ismail Abdul Rahman ibni Sultan Ibrahim, Tunku Temenggong Johor Darul Takzim, Malaysia (atas kiri, atas kanan, bawah kanan dan bawah).

**Oleh :** Marlinawaty Hussin  
**Foto :** Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin

Mulia Tunku Idris Iskandar Ismail Abdul Rahman ibni Sultan Ibrahim, Tunku Temenggong Johor Darul Takzim, Malaysia.

Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, selaku Ahli-ahli Jemaah Tadbir YSHHB serta Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji

Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.

>> Muka 4

**BERAKAS**, Sabtu, 4 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang dianjurkan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Majlis berkenaan diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan

adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen serta Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah. Juga berangkat, Yang Amat

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja yang lain dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia



**SEBAHAGIAN** yang hadir pada majlis berkenaan (kiri dan kiri sekali). Sementara gambar atas, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda serta Yang Amat Mulia Tunku Idris Iskandar Ismail Abdul Rahman, Tunku Temenggong Johor Darul Takzim, Malaysia dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama para peserta persembahan.

**>> Muka 3**

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Ini diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II.

Acara kemuncak majlis ialah titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Majlis diteruskan dengan tayangan video bertajuk 'Inovasi AI : Pemangkin Pembangunan Masyarakat' yang memperlihatkan usaha

bersepadu negara dalam mendepani era transformasi digital yang semakin pesat dengan transformasi digital melalui inovasi, tadbir urus Kecerdasan Buatan (AI) yang beretika dan pembangunan infrastruktur digital yang inklusif sejajar dengan pendekatan senegara yang mantap iaitu Whole of Nation bagi mendukung aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Majlis diserikan lagi dengan persembahan pentas daripada para pelajar Sekolah YSHHB.

Seramai 140 pelajar yang terdiri daripada kanak-kanak Taman Asuhan Kanak-kanak, murid-murid sekolah rendah dan penuntut-penuntut sekolah menengah dengan pimpinan tenaga pengajar Sekolah YSHHB

terlibat dalam persembahan pada majlis berkenaan.

Kebawah DYMM seterusnya berkenan beramah mesra dengan semua peserta yang hadir.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah DYMM berserta paduka-paduka anakanda dan adinda serta Tunku Temenggong Johor Darul Takzim, Malaysia dijunjung bagi menyaksikan pameran dan kemudian dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

Majlis Sambutan Hari Raya berkenaan adalah merupakan kali ke-22 dianjurkan oleh YSHHB sejak ia mula diadakan pada 2003.

Majlis berkenaan mengumpulkan para peserta daripada latar belakang yang berbeza setiap tahun dalam

memberikan kesempatan kepada mereka untuk bersua muka dan beramah mesra dengan raja yang sangat dikasihi dan menyembahkan junjung kasih Kepada Majlis baginda dalam suasana yang lebih mesra dan meriah.

Para peserta yang diketengahkan pada setiap tahun adalah terdiri daripada kumpulan masyarakat yang dikenal pasti dapat memberikan kepentingan dalam menjaga kesejahteraan, kebajikan dan kepentingan kepada agama, raja, bangsa serta negara.

Dengan limpah kurnia perkenan Kebawah DYMM, majlis pada tahun ini membawa tema 'Inovasi AI : Pemangkin Pembangunan Masyarakat'.

Tema berkenaan

mencerminkan peranan AI sebagai pemacu utama dalam memperkukuh pembangunan sosial, ekonomi dan kesejahteraan masyarakat.

Tema berkenaan juga mendukung inisiatif dan usaha kerajaan dalam memperkukuh pendekatan strategik Whole of Nation melalui penglibatan aktif semua pihak berkepentingan dalam mengadaptasi inovasi serta teknologi digital dalam menyokong hasrat negara ke arah merealisasikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Pintar atau Smart Nation sejajar dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

**>> Muka 5**



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra dengan para peserta yang hadir (atas kiri, kiri sekali dan

**ANTARA** persembahan pada sambutan berkenaan (kiri).



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda serta adinda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai. Juga berangkat, Yang Amat Mulia Tunku Idris Iskandar Ismail Abdul Rahman, Tunku Temenggong Johor Darul Takzim, Malaysia.**

**>> Muka 4**

Bersesuaian dengan tema sambutan, YSHHB telah menjalin kerjasama padu daripada Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI) sebagai penggerak dasar dan strategi AI di negara ini untuk bersama-sama menyelaraskan penganjuran Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini.

Dalam mendukung tema berkenaan, YSHHB mengetengahkan beberapa kumpulan peserta yang memainkan peranan penting dalam menyemarakkan budaya inovasi, memperluas pengetahuan mengenai teknologi AI serta menggalakkan penglibatan aktif masyarakat dalam memanfaatkan perkembangan digital secara positif dan berkesan.

Penyertaan berkenaan melibatkan para pegawai daripada agensi kerajaan dan sektor swasta, para pengusaha dalam bidang teknologi AI, sektor perbankan, para pendidik dan pelajar, golongan belia serta ketua-ketua komuniti akar umbi, yang masing-masing menyumbang idea, kreativiti dan komitmen ke arah membentuk masyarakat yang celik teknologi, berdaya saing dan bersedia

mendepani cabaran masa hadapan.

Setiap kumpulan peserta memainkan peranan penting dalam pembangunan dan penggunaan AI terhadap masyarakat. Sektor kerajaan berperanan sebagai pembuat dasar dalam memastikan penggunaan AI dilaksanakan secara terkawal, teratur dan selaras dengan kepentingan awam.

Manakala, sektor swasta dan para pengusaha dalam bidang teknologi AI pula merupakan pemudah cara utama dalam menyokong perkembangan serta mempercepatkan pengadaptasian AI melalui

penerokaan peluang baharu, pembangunan penyelesaian inovatif dan penggunaan teknologi dalam pelbagai bidang.

Sementara itu, para pelajar dan golongan belia merupakan generasi inovator yang berpotensi besar dalam mencorakkan landskap teknologi masa depan negara.

Manakala, para pendidik dan ketua komuniti akar umbi memainkan peranan penting dalam menerapkan pengetahuan, membimbing kefahaman dan memastikan penggunaan AI dilaksanakan secara bijaksana, beretika dan betul.

Komitmen dan peranan

kesemua kumpulan peserta secara bertanggungjawab demi kemajuan negara. Turut hadir, Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta para jemputan khas.

secara bertanggungjawab demi kemajuan negara.

Turut hadir, Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta para jemputan khas.



**SEKITAR keberangkatan Kebawah DYMM dan paduka-paduka anakanda baginda ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi anjuran YSHHB (atas kiri, atas, atas sekali, bawah kiri dan bawah).**



# AI PEMACU UTAMA MEMPERKUKUH PEMBANGUNAN SOSIAL, EKONOMI, KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin

**BERAKAS**, Sabtu, 4 April. - Tema Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah (YSHHB), iaitu 'Inovasi AI : Pemangkin Pembangunan Masyarakat' mencerminkan peranan Kecerdasan Buatan (AI) sebagai pemacu utama dalam memperkukuh pembangunan sosial, ekonomi dan kesejahteraan masyarakat.

Tema berkenaan juga mendukung inisiatif dan usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memperkukuh pendekatan strategik Whole of Nation melalui penglibatan aktif semua pihak berkepentingan dalam mengadaptasi inovasi serta teknologi digital dalam menyokong hasrat murni baginda dan negara ke arah merealisasikan Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai sebuah Smart Nation sejajar dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB menjelaskan perkara berkenaan dalam sembah alu-aluan pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1447H / 2026M anjuran YSHHB yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Bersesuaian dengan tema sambutan, Yang Berhormat menyampaikan bahawa YSHHB telah mendapat kerjasama padu dari Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, dan Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI) sebagai penggerak dasar dan strategi AI di negara ini untuk bersama-sama menyelaraskan

penganjuran majlis Sambutan Hari Raya berkenaan.

"Dalam mendukung tema tersebut, Yayasan Kebawah Duli Tuan Patik kali ini mengetengahkan beberapa kumpulan peserta dari dalam dan luar negara yang memainkan peranan penting dalam menyemarakkan budaya inovasi, memperluas pengetahuan mengenai AI, serta menggalakkan penglibatan aktif masyarakat dalam memanfaatkan perkembangan digital secara positif dan berkesan," sembah Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat dalam sembahnya menambah, penyertaan berkenaan melibatkan para pegawai daripada agensi kerajaan dan sektor swasta, para pengusaha dari dalam dan luar negara yang mengusahakan bidang teknologi AI, sektor perbankan, para pendidik dan pelajar, golongan belia serta ketua-ketua komuniti akar umbi, yang masing-masing menyumbang idea, kreativiti dan komitmen ke arah membentuk masyarakat yang celik teknologi, berdaya saing dan bersedia mendepani cabaran masa hadapan.

"Setiap kumpulan peserta tersebut memainkan peranan yang penting dalam pembangunan dan penggunaan AI dalam masyarakat. Sektor kerajaan berperanan sebagai pembuat dasar dalam memastikan pengurusan AI dilaksanakan secara terkawal, teratur dan selaras dengan kepentingan awam.

"Sektor swasta dan para pengusaha dalam bidang teknologi AI pula merupakan pemudah cara utama dalam menyokong perkembangan serta mempercepatkan pengadaptasian AI melalui penerokaan peluang baharu, pembangunan penyelesaian inovatif dan penggunaan teknologi dalam pelbagai bidang.

"Manakala para pelajar dan golongan belia merupakan



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang dianjurkan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah (YSHHB). Turut berangkat, paduka-paduka anakanda baginda. Juga berangkat, Yang Amat Mulia Tunku Idris Iskandar Ismail Abdul Rahman ibni Sultan Ibrahim, Tunku Temenggong Johor Darul Takzim, Malaysia.

generasi inovator yang berpotensi besar dalam mencorakkan landskap teknologi masa depan negara. Sementara itu, para pendidik dan ketua komuniti akar umbi memainkan peranan penting dalam menerapkan pengetahuan, membimbing kefahaman dan memastikan penggunaan AI dilaksanakan secara bijaksana, beretika dan betul," sembah Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menyebarkan komitmen dan peranan kesemua kumpulan peserta berkenaan setentunya dapat memberikan impak positif terhadap pembangunan ekosistem teknologi AI yang inklusif, progresif dan beretika, di samping memperkukuh kesiapsiagaan masyarakat dalam memanfaatkan kemajuan digital secara bertanggungjawab demi kemajuan negara.

Dalam sembah alu-aluan berkenaan, Yang Berhormat turut menyebarkan bahawa pameran yang mendukung perkara berkenaan juga diadakan di ruang pameran yang mengetengahkan peranan AI sebagai pemacu transformasi negara yang menyentuh pelbagai aspek kehidupan masyarakat, daripada keselamatan digital, kesejahteraan rakyat, pembangunan pendidikan dan

modal insan, sehinggalah kepada pertumbuhan ekonomi pintar dan inovasi digital inklusif.

Sembah Yang Berhormat lagi, sebanyak 22 agensi daripada sektor kerajaan, swasta, perbankan, institusi pengajian tinggi dan syarikat industri dan teknologi dari dalam dan luar negara menyertai pameran berkenaan.

Pameran berkenaan, sembah Yang Berhormat, memberi gambaran menyeluruh tentang bagaimana teknologi AI sedang digunakan dan berpotensi dimanfaatkan bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan, memperkukuh keselamatan, menyokong pembangunan industri serta memperkasa masyarakat di NBD.

Yang Berhormat seterusnya menyebarkan, YSHHB telah mendapat sokongan padu daripada Kedutaan Republik Rakyat China di NBD dengan membawa masuk secara eksklusif sebanyak beberapa buah robot *humanoid* untuk mengadakan beberapa persembahan yang bertepatan dan amat sesuai dengan mendukung tema majlis.

"Kehadiran robot *humanoid* ini dihasratkan dapat mencetuskan rasa ingin tahu dan memberi inspirasi kepada

generasi muda khususnya para pelajar dan belia untuk mendalami bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Kesenian dan Matematik (Science, Technology, Engineering, Art, Mathematics, ringkasnya STEAM) serta seterusnya menyemai minat mereka terhadap penyelidikan, kreativiti dan pembangunan bakat tempatan dalam bidang teknologi.

"Disebarkan seterusnya bahawa seperti tahun-tahun sebelumnya, acara pagi ini akan juga diserikan dengan acara persembahan oleh seramai 140 pelajar sekolah menengah, sekolah rendah dan Taman Asuhan Kanak-kanak Yayasan Kebawah Duli Tuan Patik terlibat menjayakan persembahan ini," sembah Yang Berhormat lagi.



**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB dalam sembah alu-aluan.



ANTARA yang hadir pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi (kiri, tengah dan kanan).

# SENTUHAN AI MERIAHKAN PERSEMBAHAN AIDILFITRI YSHHB



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja berkenan menyaksikan persembahan pentas (atas dan kanan).



**BERAKAS**, Sabtu, 4 April. - Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) diserikan dengan persembahan pentas berwarna-warni pada acara berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Persembahan yang ditunjukkan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam berserta kerabat diraja dipersembahkan daripada seramai 140 pelajar Sekolah YSHHB iaitu gabungan daripada kanak-kanak Taman Asuhan Kanak-kanak, murid-murid sekolah rendah dan penuntut-penuntut sekolah menengah dengan pimpinan tenaga pengajar YSHHB.

Tema persembahan pada tahun ini ialah 'Inovasi AI : Pemangkin Pembangunan Masyarakat' yang mana sangat sesuai dengan keadaan semasa kerana Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) semakin dekat dengan kehidupan seharian.

Terdapat beberapa segmen

dalam persembahan tersebut di mana kebanyakannya dijayakan dengan begitu menarik dan warna-warni oleh pelajar-pelajar sekolah rendah, sekolah menengah dan yang lain-lain serta diselitkan dengan unsur-unsur AI di dalam setiap segmen persembahan berkenaan.

Persembahan tersebut juga memfokuskan erti sebenar menyambut Hari Raya Aidilfitri dalam bentuk jalan cerita kekeluargaan yang dekat dengan kehidupan masyarakat khususnya dalam suasana Hari Raya dan unsur refleksi, unsur santai, humor dan juga sentuhan emosi agar mesej yang

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin

disampaikan mudah difahami dan dirasai oleh semua.

Cerita dan lagu-lagu mengandungi mesej tentang makna sebenar Hari Raya Aidilfitri tentang kesyukuran, silaturahmi, kasih sayang, memohon maaf, menghargai keluarga dan juga bagaimana teknologi seperti AI boleh dimanfaatkan secara baik dalam kehidupan moden.

Dalam menyerikan lagi persembahan, YSHHB telah mendapatkan sokongan daripada

Kedutaan Besar Republik Rakyat China di Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan mendatangkan secara eksklusif beberapa buah robot *humanoid* bagi mengadakan beberapa persembahan yang bertepatan dengan tema majlis pada tahun ini.

YSHHB juga memberikan penghargaan kepada beberapa agensi iaitu Imagine Sendirian Berhad, Muara Port Company Sendirian Berhad, Hengyi Industries Sendirian Berhad, Bank Islam Brunei Darussalam Berhad, Syarikat Takaful Brunei Darussalam Berhad dan Mulia Hotel Brunei, Maju Motor Sdn. Bhd. dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei yang memberikan kerjasama kepada Kedutaan Besar Republik Rakyat China di NBD dalam mendatangkan robot *humanoid* tersebut.

Kehadiran robot *humanoid* tersebut dihasratkan dapat mencetuskan rasa ingin tahu dan memberi inspirasi kepada generasi muda khususnya para pelajar dan belia untuk mendalami bidang sains, teknologi, kejuruteraan, kesenian dan matematik (Science, Technology, Engineering, Arts and Mathematics-STEAM) serta menyemai minat terhadap penyelidikan, kreativiti dan pembangunan bakat tempatan dalam bidang teknologi.



**PERSEMBAHAN** daripada seramai 140 pelajar Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) iaitu gabungan daripada kanak-kanak Taman Asuhan Kanak-kanak, murid-murid sekolah rendah dan penuntut-penuntut sekolah menengah dengan pimpinan tenaga pengajar YSHHB (atas kiri, atas kanan dan gambar-gambar di bawah).



# PAMERAN KETENGAHKAN KEPENTINGAN TEKNOLOGI AI, TRANSFORMASI DIGITAL NEGARA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyaksikan robot *humanoid*.

Oleh : Nurdiyana Rajami

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Nurdiyana Rajami

**BERAKAS**, Sabtu, 4 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyaksikan Pameran Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, hari ini.

Berangkat sama menyaksikan pameran berkenaan, paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Turut berangkat, Yang Amat Mulia Tunku Idris Iskandar Ismail Abdul Rahman ibni Sultan Ibrahim, Tunku Temenggong Johor Darul Takzim, Malaysia.

Pameran Majlis Sambutan Hari Raya YSHHB tahun ini bertemakan 'Inovasi AI : Pemangkin Pembangunan Masyarakat', yang mengetengahkan peranan Kecerdasan Buatan (AI) sebagai pemacu transformasi negara yang menyentuh pelbagai aspek kehidupan masyarakat, daripada keselamatan digital, kesejahteraan rakyat, pembangunan pendidikan dan modal insan, sehinggalah kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih inovatif dan inklusif.

Melalui penglibatan pihak kerajaan, institusi pendidikan serta syarikat industri dan teknologi, dan masyarakat, pameran berkenaan memberi gambaran menyeluruh tentang bagaimana teknologi AI sedang digunakan dan berpotensi dimanfaatkan bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan,

memperkuh keselamatan, menyokong pembangunan industri serta memperkasa masyarakat di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Pameran berkenaan menghimpunkan lebih 20 agensi kerajaan, institusi pendidikan serta syarikat industri untuk mempamerkan aplikasi AI dalam pelbagai sektor daripada pendidikan, keselamatan, kesihatan sehinggalah kepada ekonomi digital.

Pameran tersebut distrukturkan kepada lima kluster utama, iaitu Kluster Pembangunan Pendidikan dan Modal Insan; Kluster Kepercayaan, Keselamatan dan Etika Digital; Kluster Kesejahteraan dan Kualiti Hidup Rakyat; Kluster Insan Berilmu dan Bersiap Siaga dalam Teknologi Masa Hadapan; dan Kluster Ekonomi Pintar dan Inovasi Digital Inklusif.

Melalui kluster-kluster berkenaan, menunjukkan bahawa pembangunan AI memerlukan pendekatan menyeluruh melibatkan infrastruktur yang selamat, bakat tempatan yang berkemahiran, inovasi industri serta penggunaan teknologi yang memberi manfaat terus kepada masyarakat. Secara keseluruhannya, pameran



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima pesambah berupa seni kaligrafi yang dihasilkan oleh robot *humanoid*.

berkenaan bertujuan meningkatkan kesedaran awam, khususnya generasi muda, mengenai potensi AI serta menyokong aspirasi Wawasan Brunei 2035 ke arah sebuah negara pintar yang progresif dan berdaya saing.

Sebagai tarikan utama, pameran turut menampilkan robot *humanoid* berasaskan AI dari Republik Rakyat China, bagi memberi pendedahan kepada orang ramai mengenai teknologi AI terkini melalui pengalaman interaktif secara langsung.

Melalui pameran berkenaan, YSHHB telah mendapat sokongan daripada Kedutaan Besar Republik Rakyat China di NBD yang telah mendatangkan secara eksklusif sebanyak beberapa buah robot *humanoid*

untuk mengadakan beberapa persembahan yang bertepatan dengan tema majlis pada tahun ini.

YSHHB juga sukacita merakamkan penghargaan kepada beberapa agensi, iaitu Imagine Sendirian Berhad (Imagine), Muara Port Company Sendirian Berhad, Hengyi Industries Sendirian Berhad, Bank Islam Brunei Darussalam Berhad, Syarikat Takaful Brunei Darussalam Berhad, Mulia Hotel Brunei, Maju Motors Sdn. Bhd. dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei yang telah memberikan kerjasama kepada Kedutaan Besar Republik Rakyat China di NBD dalam mendatangkan robot *humanoid* berkenaan.

>> Muka 9



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan menyaksikan Pameran Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB). Turut berangkat, Yang Amat Mulia Tunku Idris Iskandar Ismail Abdul Rahman ibni Sultan Ibrahim, Tunku Temenggong Johor Darul Takzim, Malaysia (atas, kiri dan bawah).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mendengarkan sembah penerangan semasa melawat pameran berkenaan (kiri dan kanan).

>> Muka 8

Kehadiran robot *humanoid* berkenaan dihasratkan dapat mencetuskan rasa ingin tahu dan memberi inspirasi kepada generasi muda khususnya para pelajar dan belia untuk mendalami bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Kesenian, Matematik (Science, Technology, Engineering, Art, Mathematics-STEAM) serta seterusnya menyemai minat mereka terhadap penyelidikan, kreativiti dan pembangunan bakat tempatan dalam bidang teknologi.

Di Kluster Pembangunan Pendidikan dan Modal Insan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja berkenan menyaksikan pameran dari Sekolah YSHHB dan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam (PPKKI). Kluster berkenaan

menekankan pembangunan AI melalui pendidikan awal dan pembangunan modal insan bagi melahirkan rakyat berpengetahuan selaras aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia turut berkenan menerima pesambah berupa seni kaligrafi yang dihasilkan oleh robot *humanoid* dari Kedutaan Besar Republik Rakyat China di NBD.

Dalam Kluster Kepercayaan, Keselamatan dan Etika Digital telah disertai oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI), Cyber Security Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei yang sekali gus menunjukkan usaha negara dalam memastikan penggunaan teknologi digital termasuk AI dilaksanakan dalam persekitaran yang selamat, beretika dan dilindungi daripada ancaman siber.

Kluster berkenaan menekankan keselamatan siber, tadbir urus digital kukuh dan perlindungan data bagi memastikan penggunaan AI selamat, dipercayai serta melindungi negara. Selain itu, ia juga menumpukan kepada aspek keselamatan, kepercayaan dan tadbir urus digital yang menjadi asas kepada pembangunan teknologi AI yang selamat dan bertanggungjawab.

Sementara itu, penyertaan organisasi dari Kementerian Kesihatan, Unified National Networks Sendirian Berhad (UNN), Imagine, Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST) dan Brunei Fertilizer Industries (BFI) telah mewarnai Kluster Kesejahteraan dan Kualiti Hidup Rakyat. Kluster berkenaan memfokuskan kepada bagaimana teknologi AI boleh digunakan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan kualiti kehidupan seharian melalui penyelesaian pintar dalam bidang kesihatan, alam sekitar dan perkhidmatan digital. Hal berkenaan

menunjukkan bagaimana teknologi digital dan AI dapat menyokong sistem kesihatan, komunikasi, pengurusan infrastruktur serta pemantauan industri secara lebih cekap dan selamat.

Dalam Kluster Insan Berilmu dan Bersiap Siaga dalam Teknologi Masa Hadapan turut disertai oleh institusi sekolah-sekolah, Universiti Brunei Darussalam, Universiti Teknologi Brunei, Mindtrex Academy dan program latihan teknologi memainkan peranan penting dalam melahirkan generasi yang mempunyai kemahiran dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) serta teknologi AI. Kluster berkenaan menonjolkan peranan pendidikan dan penyelidikan dalam membangunkan bakat tempatan yang mampu menyokong perkembangan teknologi AI di negara ini.

Manakala Kluster Ekonomi Pintar dan Inovasi Digital Inklusif pula diserikan dengan penglibatan syarikat seperti Brunei4AI, Tukar, Orca AI Solutions, Payung Aman,

Kawan Sembilan, Baiduri Bank dan Bank Islam Brunei Darussalam. Kluster berkenaan memperlihatkan bagaimana AI digunakan dalam sektor awam dan swasta, kewangan, analitik data, keselamatan digital dan inovasi perniagaan. Ia juga menunjukkan bagaimana teknologi AI dan digital dapat memacu pertumbuhan ekonomi negara serta memperkukuh ekosistem perniagaan dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Melalui pameran berkenaan, YSHHB bersama dengan MTIC, AITI, Imagine dan Kedutaan Republik Rakyat China berhasrat untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan teknologi AI dan transformasi digital, memberi pendedahan kepada generasi muda tentang peluang pembelajaran dan kerjaya dalam bidang teknologi masa hadapan, menggalakkan budaya inovasi dan pemikiran ke hadapan dalam kalangan masyarakat dan menunjukkan bagaimana teknologi boleh dimanfaatkan secara bertanggungjawab, selamat dan beretika demi kesejahteraan bersama.

Inisiatif berkenaan selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035, melalui pendekatan Whole of Nation Approach, dalam usaha bersama membentuk masyarakat yang berilmu, berkemahiran tinggi serta bersedia menghadapi perubahan teknologi global. Melalui penghayatan dan penerapan teknologi secara bijaksana, usaha berkenaan turut menyokong kemajuan NBD untuk terus melangkah ke hadapan sebagai sebuah Smart Nation yang berdaya tahan, progresif dan berdaya saing dalam era digital yang kian pesat berkembang.

Pameran berkenaan juga dibuka untuk kunjungan orang ramai selama sehari, iaitu pada 15 Syawal 1447H bersamaan 4 April 2026M, sehingga jam 4.30 petang. Pengisian pameran dihasratkan dapat meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan teknologi AI dan transformasi digital, memberi pendedahan kepada generasi muda tentang peluang pembelajaran dan kerjaya dalam bidang teknologi masa hadapan, dan menggalakkan budaya inovasi dan seterusnya pendedahan bagi memanfaatkan teknologi secara bertanggungjawab, selamat dan beretika demi kesejahteraan bersama.



SEKITAR keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja semasa menyaksikan Pameran Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa (atas, kanan, bawah dan bawah kanan).



# SENTIASA MENJAGA KEWAJIPAN DI HARI RAYA

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

## >> Muka 1

Al-Quran sebagai penawar bagi penyakit hati serta menjadi panduan hidup umat Islam. Justeru, umat Islam diseru untuk terus mendekatkan diri dengan Al-Quran melalui amalan membaca, memahami dan menghayatinya, walaupun berada di luar bulan Ramadan.

Dalam suasana menyambut bulan Syawal ini, umat Islam juga diingatkan agar tidak lalai dengan kemeriahan Hari Raya. Sebaliknya, hendaklah sentiasa menjaga kewajipan menunaikan sembahyang pada waktunya di samping terus mengeratkan silaturahim sesama keluarga, jiran, sanak saudara dan sahabat handai.

Demikian antara inti pati tazkirah bertajuk 'Ramadan Telah Pergi, Syawal Menyusuli, Ibadah Tetap di Hati' disampaikan Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-223, baru-baru ini.

Menyemarakkan acara Munajat kali ini ialah Ahli Al-Jiilul Faatih, di bawah naungan Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah

Islamiah (PDI), KHEU; Ahli Jawatankuasa Takmir dan para jemaah dari beberapa buah masjid seluruh negara serta warga kerja KHEU, dan juga individu yang mengikuti program ini dari kediaman masing-masing.

Atur cara program dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Ahli Al-Jiilul Faatih, Awang Muhammad Iqbal bin Haji Zulkipli, di bawah naungan Program Keugamaan Belia, PDI, KHEU bersiaran dari Musholla Al-Amin, PDI.

Diikuti dengan bacaan Surah Al-Waqi'ah beramai-ramai dipimpin oleh Ahli Al-Jiilul Faatih, Awang Kaseh Ikhwan Afif Jazimin bin Mohammad Rosdi, di bawah naungan Program Keugamaan Belia, PDI. Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Pengerusi Al-Jiilul Faatih, Awang Muhammad Zarif 'Aqiel bin Ramlee, di bawah naungan Program Keugamaan Belia, PDI.

Sejurus selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Selawat Tafriyyah beramai-ramai dipimpin oleh Ahli Al-Jiilul Faatih, Awang Muhammad Wafi Naufal bin Haji Saiful Nairul Azme. Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Ahli Al-Jiilul Faatih, Awang



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama Kali Ke-223, baru-baru ini.

Muhammad Amin Rifaie bin Mohd. Suhaimi, di bawah naungan Program Keugamaan Belia, PDI, KHEU.

Program Malam Munajat tersebut bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon

keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit.

Semoga segala amalan kerohanian dan doa munajat yang kita panjatkan serta aminkan diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan berikut : <https://tiny.cc/munajatkheu>.

## Sambutan Jubli Perak Syarikat Stesen Minyak PCPB

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
 Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



**YANG** Berhormat Menteri Pembangunan selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Jubli Perak Syarikat Stesen Minyak Perusahaan Cahaya Pakatan Berhad.

## >> Muka 1

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, pencapaian yang membanggakan termasuk

pengiktirafan Operational Excellence sebanyak 19 kali dari Brunei Shell Marketing Sdn. Bhd., telah membuktikan kecekapan dan pencapaian prestasi pada

aras tinggi bagi syarikat tersebut.

"Ini menunjukkan anak tempatan *kitani*, memiliki keupayaan dan kecekalan untuk menerajui perusahaan walaupun dalam suasana perniagaan yang kompetitif.

"Dari perspektif yang lebih luas, kejayaan hari ini adalah selaras dengan Wawasan Brunei 2035, menuju ke arah ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan," ujar Yang Berhormat menjelaskan lagi.

Oleh itu, katanya, syarikat itu diharapkan berfungsi sebagai perintis dalam menguatkan ekosistem Micro, Small and Medium Enterprises (MSME), khususnya dalam menyediakan peluang-peluang pekerjaan dan memajukan tenaga kerja mahir bagi anak-anak tempatan.

Menurut Yang Berhormat lagi, usaha itu selaras dengan agenda negara dalam sama-sama mempersiapkan generasi masa depan yang cemerlang.

Sambutan Jubli Perak ini, ujar Yang Berhormat, bukan sekadar perayaan pencapaian yang telah diraih dalam tempoh 25 tahun, tetapi juga merupakan titik tolak bagi syarikat untuk terus memperkukuh daya saing dan inovasi dalam menghadapi cabaran dan pergolakan ekonomi global yang difahami kian kompleks.

"Kejayaan syarikat ini telah mencerminkan kekuatan akar umbi masyarakat Brunei dalam memajukan syarikat yang berdaya tahan dan penuh disiplin. Adalah diharapkan Syarikat Cahaya Pakatan Berhad terus teguh berpegang kepada nilai-nilai murni dan prinsip tadbir urus yang cemerlang.

"Dengan kepimpinan yang kukuh serta budaya kerja berasaskan komitmen, dedikasi, dan kerjasama, syarikat ini diyakini akan terus melangkah gagah dan berkembang maju

dalam melayari cabaran yang mendatang," jelas Yang Berhormat.

Pada majlis itu, Yang Berhormat Menteri Pembangunan turut menyempurnakan penyampaian anugerah-anugerah kepada para penerima.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada lapan pekerja cemerlang oleh Pengarah Pemasaran Brunei Shell Sendirian Berhad (BSM), Awang Alexirwan bin Omar.

Ini diikuti dengan penyampaian derma anak yatim dari Daerah Tutong oleh syarikat tersebut kepada Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri dan sejurus itu penyerahan Buku Album Kenangan Syarikat Stesen Minyak PCPB kepada tetamu kehormat dan tetamu khas yang disempurnakan oleh Yang Dipertua Persatuan PAKATAN.

Turut hadir, Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Stesen Minyak PCPB; Pengarah Urusan, Brunei Shell Marketing Company Sendirian



**YANG** Berhormat Menteri Pembangunan semasa berucap pada majlis berkenaan (atas), manakala gambar bawah dan bawah kiri, sekitar majlis berkenaan.

Berhad; Setiausaha Tetap; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan; Pemangku Pegawai Daerah Tutong; jemputan khas; ahli-ahli lembaga pengarah; barisan kepimpinan dan para pemegang saham.



# MEMPERKUKUH KEUPAYAAN OPERASI, MEMPERTINGKATKAN ASET KENDERAAN POLIS



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

## >> Muka 1

Hadir selaku tetamu kehormat serta menandatangani kontrak bagi pihak kerajaan ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang) Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Zulhusam bin Haji Abd Samad bersama Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Sulaiman bin Alidin.

Turut berangkat dan hadir menyaksikan penandatanganan, Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris serta pengarah-pengarah dan Pegawai Kanan PPDB, pegawai

kanan daripada agensi-agensi kerajaan dan wakil syarikat-syarikat yang terlibat.

Majlis tersebut menyaksikan pemeteraian perjanjian antara PPDB dengan dua syarikat berkenaan, iaitu QAF Auto Sendirian Berhad yang diwakili oleh Pengarahnya, Lau Loke Kwan, bersama Pengurus Kanan, Mary Loh Siew Chin serta BTOP Motor Sendirian Berhad yang diwakili oleh Pengarahnya, Lim Kian Seng, bersama Pengurus Am, Violet Lim Wan Boon.

Kedua-dua syarikat ini akan membekalkan 235 buah motosikal sewaan untuk kegunaan operasi PPDB.

Perjanjian pembekalan dan



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang) Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat serta menandatangani kontrak bagi pihak kerajaan bersama Pesuruhjaya Polis, PPDB (atas dan kiri).

penyewaan kenderaan bagi agensi keselamatan dan penguatkuasaan ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Program Konsolidasi Fiskal (FCP) yang diterajui oleh JPM dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi dalam meningkatkan kecekapan perbelanjaan kerajaan, mengukuhkan hasil negara serta memperbaharui struktur ekonomi melalui memperkukuh kerjasama pihak kerajaan dan sektor swasta.

Pembekalan ini merupakan satu usaha PPDB dalam menambah baik keupayaan operasi pasukan serta meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan masa tindak balas (*response time*) kepada orang awam.

## Santai Aidilfitri eratkan silaturahim

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

KIULAP, Sabtu, 4 April. - Semangat dan rasa keakraban serta kemersaan yang pernah dialami lebih 50 tahun yang lalu tidak pernah luntur dalam kalangan bekas penghuni asrama Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin (SOAS).

Semangat tersebut dijelmakan semula dalam Majlis Santai Aidilfitri yang dihadiri oleh Ahli-ahli

Kumpulan Bekas Penghuni Asrama, ringkasnya Ex-HBG bersama ahli keluarga petang tadi di salah sebuah restoran di Kiulap, di sini.

Majlis tersebut dianjurkan bagi memudahkan mereka berjumpa sesama sendiri kerana rumah masing-masing terletak di daerah-daerah yang berasingan dan berjauhan untuk dikunjungi

semasa Hari Raya Aidilfitri ini.

Selain beramah mesra, acara diserikan dengan beberapa acara termasuk menonjolkan bakat masing-masing dalam bidang nyanyian.

Pada majlis tersebut, ahli-ahli Ex-HBG yang menyumbangkan jasa kepada kumpulan turut menerima hadiah penghargaan. Adapun Ex-HBG ditubuhkan pada bulan Mei 1973 dan kini mempunyai lebih kurang 200 ahli.



MAJLIS Santai Aidilfitri yang dihadiri oleh Ahli-ahli Kumpulan Bekas Penghuni Asrama, ringkasnya Ex-HBG bersama ahli keluarga di salah sebuah restoran di Kiulap (atas dan bawah).



**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Cabaran Belia Dalam Mendapatkan Pekerjaan Berkualiti'. Tarikh Tutup : 8 April 2026
2. 'Ketagihan Telefon Pintar Dalam Kalangan Remaja'. Tarikh Tutup : 15 April 2026
3. 'Kesedaran Autisme Dalam Masyarakat Moden'. Tarikh Tutup : 22 April 2026

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :  
[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

**Menangi BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحْنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانِ الْبَلَاءِ وَالْوَبَاءِ وَالطَّعْنِ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرِ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسي

## (صلوات تفرجية)

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّمَّا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا فِى الْاَرْضِ مَن ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَئُوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقَضِّى بِهٖ الْحَوَائِجَ، وَتُنَالُ بِهٖ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى الْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِىْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلٰى وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ، فَاغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

**Peringatan :**  
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. *ولا يئوده حفظهما وهو العلي العظيم* Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

**Maksudnya :**  
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cururan air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cururan rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).  
**Penerangannya :**  
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

**Maksudnya :**  
"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".  
**Fadilatnya :**  
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاءن يغ مباوا كبراونتوغن ساعت بسر كقد فثعملن (تولق بلاء)

(3) بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ  
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

**Penerangan :**  
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2) اَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

**Penerangan :**  
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakkannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1) حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

**Penerangan :**  
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5) يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

**Penerangan :**  
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahaminya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4) وَاُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

**Penerangan :**  
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



**PUSAT PENGURUSAN  
BENCANA KEBANGSAAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**  
(27) NDMC / TSH / 2025-2026  
Sebut Harga Pembekalan Alat  
Ganti Baharu Serta  
Pemasangan Sistem Brake  
Actuator ASSY  
Bagi Kenderaan National Disaster  
Management Centre (NDMC)  
Toyota Hilux BG3800

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
5 Mei 2026  
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Sebut Harga:**  
04 / APR2026 / KKBS / PJK /  
16.138

**Tajuk Sebut Harga:**  
Kontrak Penggal (24 Bulan) Bagi  
Kerja-Kerja Pembersihan Block  
B18 Flat Kerajaan Anggerek  
Desa, Simpang 32-15,  
Jalan Anggerek Desa,  
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup:**  
Khamis, 23 April 2026



**JABATAN  
ALAM SEKITAR,  
TAMAN DAN REKREASI  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Iklan Tarikh Lanjutan**

**Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar  
Di Negara Brunei Darussalam**

**Kelas:**  
-

**Kategori:**  
-

**Lanjutan Ke-3  
Tarikh Tutup Pada:**  
Selasa,  
5 Mei 2026  
Sebelum Jam 2.00 Petang

**Ditutup di Pejabat Lembaga  
Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah  
Bangunan Kementerian  
Pembangunan,  
Lapangan Terbang  
Lama Berakas  
Bandar Seri Begawan  
BB3510,  
Negara Brunei Darussalam**

**JASTRE / BKP / RFP / 01 / 2025**  
Permohonan Cadangan  
Pelaburan,  
Mereka Bentuk,  
Membangun,  
Memiliki dan Mengendalikan  
Loji Waste  
To Energy Plant Di Lot 17394,  
Kg. Sg. Paku,  
Tutong,  
Negara Brunei Darussalam.

**No. Projek:**  
JASTRE / BKP / RFP /  
01 / 2025



**JABATAN KEMAJUAN  
PELANCONGAN  
KEMENTERIAN  
SUMBER-SUMBER UTAMA  
DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Sebut Harga:**  
JKP / SH / 2025-2026 / 77  
Cultural Performance Services  
For Tourism Related Activities  
Throughout 2026-2027

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Khamis,  
16 April 2026,  
Jam 2.00 Petang

**Yuran Setiap Satu  
Sebut Harga:**  
BND5.00  
(Tidak Dikembalikan)  
Pembayaran Adalah Secara  
Dalam Talian



**JABATAN MUZIUM-MUZIUM  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN**

**Jabatan Muzium-Muzium  
Kementerian Kebudayaan,  
Belia Dan Sukan  
Negara Brunei Darussalam**

**Kenyataan Tawaran**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**  
02 / JMM / S / 12 / 91 (2026 /  
2027) – R

**Tajuk Tawaran:**  
Penyewaan Dan Operasi Kafe  
Muzium Brunei, Bagi Tempoh 5  
Tahun, Aras Bawah Muzium  
Brunei, Kampong Kota Batu

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
19 Mei 2026  
Jam 2.00 Petang



**Kenyataan Tawaran**

**Bilangan Dan  
Tajuk Tawaran:**

01 / JMM / S / 12 / 91  
(2026 / 2027)

Design And Build  
On Rectification,  
Fabrication, Installation  
And Development Of Content,  
Interactives And Multimedia  
For The Brunei Museum,  
Kota Batu

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
5 Mei 2026,  
Jam 2.00 Petang



**UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT,  
DIVISYEN PENGURUSAN  
KORPORAT  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Unit Teknologi Maklumat  
Divisyen Pengurusan Korporat,  
Kementerian Pembangunan**

**Notis Sebut Harga**

**Bilangan dan Tajuk  
Sebut Harga:**  
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2026 / Q01  
Invitation To Supply  
And Delivery Of  
'Hp' Printer Printing  
Toner Cartridges For  
Ministry Of Development

**Bayaran Bagi Setiap  
E-Dokumen Sebut Harga:**  
BND9.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Buka:**  
Isnin,  
30 Mac 2026

**Tarikh Akhir Pembelian  
dan Pembayaran:**  
Khamis,  
9 April 2026

**Tarikh Tutup:**  
Isnin,  
13 April 2026

**Jam:**  
Sebelum 9.00 Pagi



**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Jabatan Pentadbiran  
dan Kewangan  
Notis Sebut Harga**

**Bil. Sebut Harga:**  
JKR / DAF / UPF / JKRKH  
KAFETERIA / 01 / 2026

**Tajuk Projek:**  
Sebut Harga Bagi  
Tawaran Penyewaan  
dan Pengurusan Kafeteria  
Di Atrium  
Bangunan Ibu Pejabat  
Jabatan Kerja Raya  
Jalan Airport Lama,  
Mukim Berakas,  
Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam

**Kelas / Kategori:**  
Pengendalian Perkhidmatan  
Kafeteria / Kedai Makan  
Yang Berdaftar.

**Tarikh Tutup  
Sebut Harga:**  
Isnin, 20 April 2026  
Sebelum Jam 8.30 Pagi

**Yuran Dokumen  
Sebut Harga:**  
BND5.00  
(Tidak Dikembalikan)



**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**Iklan Tawaran Rancangan  
Pemakanan Sekolah Arab Dan  
Asrama (Bahagian Penyajian  
Makanan Dan Minuman Secara  
Berhadang Dan Bertapau) Bagi  
Tempoh Dua (2) Tahun Jabatan  
Pengajian Islam, Kementerian  
Hal EHWal Ugama**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**  
KHEU / JPI / PMM / SA BELAIT  
/ 08

**Sekolah Arab Belait,  
Daerah Belait**

**Bayaran Dokumen:**  
BND30.00  
(Bayaran Dokumen Tidak  
Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
10 Zulkaedah 1447H /  
28 April 2026M,  
Tidak Lewat Sebelum  
Jam 2.00 Petang



**Bilangan Dan Tajuk  
Sebut Harga :**  
KHEU / JPI / JKS / PPS(I) /  
2025-2026  
Perkhidmatan Pembuangan  
Sampah Tempoh 2 Tahun Bagi  
Zon 'I'

**Bilangan Dan Tajuk  
Sebut Harga:**  
KHEU / JPI / JKS / PPS(J) /  
2025-2026  
Perkhidmatan Pembuangan  
Sampah Tempoh 2 Tahun  
Bagi Zon 'J'

**Di Bawah Kawalan Jabatan  
Pengajian Islam  
Kementerian Hal EHWal  
Ugama  
Negara Brunei Darussalam  
Tahun 1446H-1447H /  
2025M-2026M**

**Tarikh Tutup:**  
Rabu,  
4 Zulkaedah 1447H /  
22 April 2026M,  
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang.





**KEMENTERIAN KESIHATAN**

**Pemberitahuan Tawaran**

**Bilangan Dan Keterangan**

**Tajuk Sebut Harga:**

PPS / QTN / 21 / 2026

1/ Ethosuximide 250mg / 5ml

oral liquid preparation

Qty: 90 x 200ml

2/ Trifluoperazine 5mg oral solid

preparation preferably

scored tablet

Qty: 100 x 100's

**Bilangan Dan Keterangan**

**Tajuk Sebut Harga:**

PPS / QTN / 22 / 2026

1/ Procainamide injection

100mg / ml x 10ml

Qty: 2 x 10's

2/ Benzalkonium chloride 0.01%

combination with Cetrimide 0.2%

as active ingredients as

Drapolene or its equivalent

Qty: 2,000 x 5g

**Bilangan Dan Keterangan**

**Tajuk Sebut Harga:**

PPS / QTN / 23 / 2026

1/ Alfentanil 500mcg / ml injection

Qty: 40 x 5's

**Bilangan Dan Keterangan**

**Tajuk Sebut Harga:**

(20) PSD / QTN / 2026

- (PHARM)

Thermal Transfer Labels

With Print [Rectangle Size 76mm

(Length) X 40mm (Width)] -

For Bru-Hims / Manual Label

Printing

**Bilangan Dan Keterangan**

**Tajuk Sebut Harga:**

(21) PSD / QTN / 2026

- (PHARM)

1/ Plastic Medicine Envelopes

(Small Size – 135mm X 75mm)

2/ Plastic Medicine

Envelopes

(Medium Size – 140mm X

100mm)

3/ Plastic Medicine Envelopes

(Large Size – 200mm X 100mm)

**Yuran Sebut Harga:**

BND5.00

Tidak Dikembalikan

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**

Sabtu,

11 April 2026

Jam 2.00 Petang



**KOLEJ UNIVERSITI  
PERGURUAN UGAMA SERI  
BEGAWAN**

**Pengiklanan Jawatan Kosong  
Peraturan 38(A)**

Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan mempelawa pemohon-pemohon tempatan yang berkelayakan dan bersesuaian untuk memohon jawatan-jawatan akademik seperti berikut:

**Jawatan:**

Profesor Madya

**Bahagian:**

I

**Tangga Gaji:**

PT4

(BND6,800.00 - BND7,010.00)

sebulan

**Kekosongan Jawatan:**

Satu (1)

**Bidang:**

Ahli Sunnah Wal Jamaah

**Tatacara Permohonan**

Borang permohonan - borang KUPU SB/P1 bolehlah dimuat turun dengan melayari laman sesawang: [www.kupu-sb.edu.bn](http://www.kupu-sb.edu.bn).

Kolej Universiti berhak menolak permohonan yang tidak diisi dengan lengkap dan yang tidak menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan. Hanya pemohon-pemohon yang memenuhi syarat dan disenarai pendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi untuk menjalani sesi ujian betulis / temu duga.

Bagi pemohon-pemohon yang berkhidmat dengan Kerajaan adalah dihendaki untuk menghantar permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menghadapkan satu Laporan Sulit, salinan Prestasi Tiga (3) Tahun Kebelakangan, dan satu salinan Rekod Perkhidmatan.

Borang permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat berikut:

**Bahagian Pentadbiran  
Pejabat Pendaftar  
Kolej Universiti Perguruan  
Agama Seri Begawan  
Km 2, Jalan Raja Isteri Pengiran  
Anak Saleha,  
BandarSeri Begawan,  
BA2111,  
Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Buka Permohonan:**  
19 Mac 2026

**Tarikh Tutup Permohonan:**  
8 April 2026

**Rujukan Iklan:**  
KUPU SB / PJW / 6.01 / 26-1A



**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN**

**Kenyataan Tawaran**

**Bilangan Dan**

**Tajuk Tawaran:**

34 / DBP / SH / 2025-2026

To Fabricate,

Supply And Deliver

Portable Cabin Suitable For

Storage At Perpustakaan  
Dewan Bahasa Dan Pustaka

**Tarikh Tutup Tawaran:**

Selasa,

14 April 2026



**JABATAN PEMBANGUNAN  
MASYARAKAT  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan dan Tajuk Iklan:**

FEB2 / 2026 / JAPEM /

COUNTERSCCTV / RB

Supply, Installation,

Configuration, Commissioning,

Testing, Training

And Maintenance

Of CCTV Surveillance System

For Service Counter

At Jabatan Pembangunan  
Masyarakat

**Tarikh Tutup Iklan Tawaran:**

Khamis,

9 April 2026

Jam 2.00 Petang



**IKLAN JAWATAN KOSONG  
PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

**PERINGATAN PENTING**

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.

2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.



1. Lengkapkan Profil PSCR 2.0 ([WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN))
2. Lengkapkan Kelulusan (keputusan / pengiktirafan Pajin Kelengkapan Pengiktirafan Kelulusan (PKL) yang berkaitan)
3. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Sila pastikan dan pengiktirafan Pajin Kelengkapan Pengiktirafan Kelulusan (PKL) yang berkaitan)
4. Tandakan "X" pada kotak semak "Jawatan Setarag" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. Lengkapkan Maklumat (Borang / permohonan / Pergerakan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipertanyakan di dalam skim iklan)

+673 7371961 PSC.BN query@spa.gov.bn

Talian Whatsapp: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam PSC.BN

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. PEKERJA AM JABATAN PERDANA MENTERI F.1-2-3-4-5 EB.6 (BAHAGIAN V) 2026/APR/01/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	15 APRIL 2026
2. PEKERJA TEKNIKAL KEMENTERIAN PEMBANGUNAN F.1-2-3-4-5 EB.6 (BAHAGIAN V) 2026/APR/01/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	46	7(A)	15 APRIL 2026
3. PEMBANTU TEKNIK KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN D.1-2-3 EB4-5 (BAHAGIAN IV) 2026/APR/01/KKBS	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	04	7(A)	15 APRIL 2026

PERINGATAN  
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DATANG MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".  
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PECAWAN DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.  
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

**Bilangan Dan Keterangan**  
**Tajuk Sebut Harga:**  
(04) IKLAN-QTN /  
UPP.HRIPAS / 2026 / ORTHO  
Supply, Delivery, Installation,  
Testing And Commissioning  
Battery-Powered Orthopaedic  
Oscillating Surgical Saw  
For Operating Theatre,  
RIPAS Hospital



**JABATAN PERKHIDMATAN  
ELEKTRIK  
JABATAN TENAGA  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk  
Memberi Tawaran**

**Bilangan Tawaran:**  
JPE / LTK / JAN / 109 / 2025

**Tajuk Tawaran:**  
Request For Quotation -  
Provision Of  
Emergency Backup  
Power Supply At  
Belingus Power Station  
And Other Potential Alternate  
DES Sites On A  
Turnkey Basis For  
A Period Of Two (2) Years

**Tarikh Tutup:**  
19 Mei 2026  
Selasa (2.00 Petang)

**Yuran Tawaran:**  
BND 5,000.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup:**  
Pengerusi  
Lembaga Tawaran Kecil,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Lobi Utama,  
Aras 1  
Bangunan Jabatan Perdana  
Menteri,  
Jalan Perdana Menteri,  
Bandar Seri Begawan,  
BB 3913.  
Negara Brunei Darussalam.

**Kelayakan:**  
Pemborong Yang Berdaftar  
Dengan Kementerian  
Pembangunan Di  
Dalam Kelas V Atau VI

**Kategori:**  
E03

Dokumen-dokumen tawaran dan  
penerangan-penerangan  
yang lanjut bolehlah diperoleh  
di Kaunter Unit Tawaran dan  
Sebut Harga,  
Tingkat Empat (4), Jabatan  
Perkhidmatan Elektrik, Jabatan  
Perdana Menteri.



**JABATAN DAERAH  
TEMBURONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**Jawatan Kosong Sebagai**

**Ketua Kampung  
Tingkat I PMKK.3  
(BND2,270 - BND4,240)**

Atau

**Ketua Kampung  
Tingkat II PMKK.2  
(BND1,990 - BND2,970)**

Atau

**Ketua Kampung  
Tingkat III PMKK.1  
(BND1,280 - BND2,270)**

bagi

**Daerah Temburong**

**Kampung Belingos,  
Mukim Bangar**

Adalah dimaklumkan bahawa  
Jabatan Daerah Temburong,  
Kementerian Hal Ehwal Dalam  
Negeri dengan sukacitanya  
mempelawa dan menjemput  
penduduk-penduduk  
yang bermastautin di  
Daerah Temburong  
khususnya Kampung Belingos,  
Pekan Bangar,  
Kampung Bang Bulan,  
Kampung Lagau dan  
Kampung Piungan bagi  
mengisikan jawatan sebagai  
Ketua Kampung Belingos,  
Mukim Bangar.

Tarikh Tutup  
mengembalikan borang  
pencalonan adalah pada  
**Sabtu, 20 Zulhijah 1447  
bersamaan  
6 Jun 2026,  
jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan  
bolehlah menghubungi melalui  
talian +673 5221266.



**JABATAN DAERAH BELAIT  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Jawatan Kosong Sebagai**

**Penghulu Mukim  
Tingkat III - PMKK.4  
(BND3,880 - BND4,240)**

Bagi

**Daerah Belait**

1. Mukim Melilas
2. Mukim Labi

Adalah dimaklumkan  
bahawa Jabatan  
Daerah Belait dengan  
sukacitanya  
mempelawa dan menjemput  
penduduk-penduduk yang  
bermastautin di  
Daerah Belait untuk  
menghadapkan  
pencalonan  
bagi mengisikan jawatan  
sebagai Penghulu Mukim  
bagi mukim-mukim  
di Daerah Belait.

**Tatacara Menghadapkan  
Borang Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang  
pencalonan boleh didapati  
dan dikembalikan ke alamat  
seperti berikut:-

**Unit Pentadbiran,  
Bahagian Institusi Penghulu  
Mukim dan Ketua Kampung  
Jabatan Daerah Belait  
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan  
borang pencalonan  
adalah pada  
**Khamis,  
12 Zulkaedah 1447  
bersamaan  
30 April 2026,  
jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan  
bolehlah menghubungi  
melalui talian  
3334335 / 336 sambungan  
1115 / 1127 / 1185.



**Jawatan Kosong Sebagai**

**Ketua Rumah Panjang  
E3-EB4 (BND660 - BND875)**

bagi

**Daerah Belait**

1. Ketua Rumah Panjang Teraja,  
Mukim Labi
2. Ketua Rumah Panjang  
Malayan, Mukim Bukit Sawat
3. Ketua Rumah Panjang Bang  
Taong @ Apak-Apak,  
Mukim Sukang
4. Ketua Rumah Panjang  
Biadong Ulu, Mukim Sukang

Adalah dimaklumkan bahawa  
Jabatan Daerah Belait,  
Kementerian Hal Ehwal Dalam  
Negeri dengan sukacitanya  
mempelawa dan menjemput  
penduduk-penduduk yang  
bermastautin di Daerah Belait bagi  
Rumah-Rumah Panjang yang  
tersenarai di atas bagi untuk  
menghadapkan pencalonan bagi  
mengisikan jawatan sebagai  
Ketua-Ketua Rumah Panjang.

**Tatacara Menghadapkan Borang  
Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang  
pencalonan boleh didapati  
dan dikembalikan ke alamat  
seperti berikut:-

**Unit Pentadbiran,  
Bahagian Institusi Mukim  
dan Kampung  
Jabatan Daerah Belait  
Kementerian Hal Ehwal  
Dalam Negeri  
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan  
borang pencalonan adalah pada  
**Khamis, 12 Zulkaedah 1447  
bersamaan 30 April 2026,  
jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah  
menghubungi melalui talian  
3334335 / 336 sambungan  
1115 / 1127 / 1185.



**Jawatan Kosong Sebagai**

**Ketua Kampung Tingkat I  
PMKK.3  
(BND2,270 - BND4,240)**

atau

**Ketua Kampung Tingkat II  
PMKK.2  
(BND1,990 - BND2,970)**

atau

**Ketua Kampung Tingkat III  
PMKK.1  
(BND1,280 - BND2,270)**

bagi

**Daerah Belait**

1. Ketua Kampung  
Sungai Teraban
2. Ketua Kampung Pekan  
Kuala Belait A
3. Ketua Kampung Pandan E
4. Ketua Kampung RPN Lumut  
Kawasan I
5. Ketua Kampung Pekan Seria  
Kawasan 1
6. Ketua Kampung Pekan Seria  
Kawasan 2
7. Ketua Kampung Sungai Bera
8. Ketua Kampung Panaga

Adalah dimaklumkan bahawa  
Jabatan Daerah Belait,  
Kementerian Hal Ehwal Dalam  
Negeri dengan sukacitanya  
mempelawa dan menjemput  
penduduk-penduduk yang  
bermastautin di Daerah Belait  
bagi kampung yang tersenarai  
di atas bagi untuk  
menghadapkan pencalonan  
bagi mengisikan  
jawatan sebagai  
Ketua-Ketua Kampung.

**Tatacara Menghadapkan  
Borang Pencalonan:**


Keterangan lanjut dan borang  
pencalonan boleh didapati  
dan dikembalikan ke alamat  
seperti berikut:-

**Unit Pentadbiran,  
Bahagian Institusi Mukim  
dan Kampung  
Jabatan Daerah Belait  
Kementerian Hal Ehwal  
Dalam Negeri  
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan  
borang pencalonan adalah pada  
**Khamis, 12 Zulkaedah 1447  
bersamaan 30 April 2026,  
jam 4.00 Petang.**


Sebarang pertanyaan bolehlah  
menghubungi melalui talian  
3334335 / 336 sambungan  
1115 / 1127 / 1185.





# IMBASAN MINGGUAN

ANTARA peserta yang menyertai Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran bagi Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK), Penuntut-penuntut Sekolah dan Isntituti-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



PROGRAM Sinar Raya di Hati khusus di dalam sama-sama mencerikan golongan anak yatim yang dianjurkan oleh SC Tubular Solutions (B) Sdn. Bhd. dengan kerjasama Belia Imtiyaz, Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.



KEKAL aktif membantu mengekalkan tahap kecergasan fizikal perlu diterapkan di dalam aktiviti seharian. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.



PENUNTUT Tahun 7 Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Salambigar semasa menghadiri Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Bahagian Komunikasi Strategik. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

ANTARA peserta yang menyertai Brunei Food Run 2026 memperkenalkan konsep larian bertemakan makanan sekali gus mengeratkan silaturahmi antara keluarga dan persahabatan. - Foto : Ihsan Fadillah Salleh.



PERKHIDMATAN fotografi house-to-house kini menerima sambutan yang menggalakkan dalam masyarakat tempatan khususnya menjelang musim perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

# سرداهي

## ممرتابتنن كعادلن، منجامين كمعمورن

جماعه يغ درحمتي الله،

برتقوي له كيت كحضرة الله ﷺ دغن منيغكتنن كيلمانن كفتن. سسوعكوهن اورغ يغ فاليج مليا دسيسا الله ﷺ ايت اياه اورغ يغ فاليج برتقوي. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغي الله ﷺ براوله كحيان دان كسلامن دنيا دان جوك داخيرة.

جماعه يغ درحمتي الله،

اسلام ملتقنن كحاكمن دان فراوندغن دغمت يغ تيغكي. الله ﷺ تله منورونكن اوندغ-اوندغ اسلام دغن توجوان باكي مغاتور دان مغاول تيغكه لاکو مانسي، موجودكن كعادلن، مغلكلن كامانن دان ممستيكن كهرومين دالم مشاركت. فراوندغن اسلام برسومركن كقد القرآن دان سنه نبي ﷺ دان جيري كاپستيموانن اياه كسمقورنان دان شمول. ايان منحاكوي سلوروه رواج ليغكوف كهيدوقن سام اد سباكاي ساورغ اينديويدو، ائگونتا مشاركت ماهوقون سباكاي رعيت دسيسواه نكارا.

ميلساينن قرتيكانن دان مغحكوم دغن اوندغ-اوندغ يغ دتورونكن اوليه الله ﷺ اين اداله منجادي كواجين كقد سلوروه اومت اسلام. الله ﷺ برفمان دالم سورة المائدة آية ٤٨:

دان كامي تله منورونكن كقد مو (واهاي نبي محمد) كتاب (القرآن) دغن مياوا كبرنن يغ مبرنن كتاب-كتاب سوجي يغ دتورونكن سلومن دان ملهارا سرتا منجادي سكسي كاتسن. مك حكومكته داننارا مريك مغيكوت اف يغ تله دتورونكن اوليه الله دان جاغله ائكاو مغيكوت هاوا نفسو مريك دغن منيغلكلن كبرنن يغ تله داتغ كقد مو. اوتوق ستياف (اومت) داننارا كامو، كامي تله بريكن شريعة (اتورن) دان جالن اكام (يغ واجب دايكوتي). دان كالوا الله مغهندي نسجاي دي منجاديكن كامو اومت يغ ساتو (يغ برساتو دالم اكام)، تتاي دي هندق مغوجي كامو (دالم منجانلكن) اف يغ تله دسقيكن كقد كامو. اوليه ايت برلومبا-لومباله كامو مياوات كياجين. كقد الله جواله دغمت كماله كامو سوا مك دي اكن مبريتاهو كامو تتغ اف يغ كامو فرسليسيهكن.

جماعه يغ درحمتي الله،

باكي ملقسنانن فراوندغن اسلام اين سوده سنتنون مملوكن كقد سيستم كحاكمن يغ بنر-بنر امقوه دان منتف. دالم كونتيكس نكارا بروني دارالسلام، محكمه-محكمه شرعية اداله منجادي تونج دان فلقسنا كقد فغواتكواسان اوندغ-اوندغ اسلام. تاهون اين كنفله ٢٥ تاهون فنبوهن محكمه-محكمه شرعية باكي مغكتيكن محكمه-محكمه قاضي. محكمه-محكمه شرعية دتوبوهكن قد ١ محرم ١٤٢٢ هجرية برسامان ٢٦ مج ٢٠٠١ دباوه فواتكواس ائكا محكمه-محكمه شرعية فغلكل ١٨٤.

فنبوهن محكمه-محكمه شرعية دباوه ائكا فغلكل ١٨٤ اداله ائس فركنن دان تينه كباوه دولي يغ مها مليا فادك سري بكتدا سلطان حاج حسن البلقية

معزالدين والدولة ابن المرحوم سلطان حاج عمر علي سيف الدين سعد الخير والدين، سلطان دان يغ دفتوان نكارا بروني دارالسلام برسما هاري كفتوران بكتندا يغ ك-٥٠ تاهون دانستان نور الايمان قد ١٥ جولاي ١٩٩٦، يغ اننارا لاي برتبه:

"اوليه ايت دغن راس كيلمانن يغ بولت ترهادف فراتورن دان اوندغ-اوندغ الله، مك بيتا تله ممركتنن فنبوهن محكمه-محكمه شرعية سهيغك كهاغ يغ ستيغكي-تيغكين باكي مانغي بوكن سهاج فتديرون اوندغ-اوندغ كلوارك، مالنن جوك دكتيك يغ سسواي دان مناسبه اكن جوك مغندالينن QANUN JINAI ISLAM يعني ISLAMIC CRIMINAL ACT سلغكنن، سباكلمان يغ دتوتوت اوليه الله ﷺ." دمكين بكتندا برتبه.

سجق فنبوهنن، محكمه-محكمه شرعية تله ملالوي فركميغن يغ قست. فلپاكي اوندغ-اوندغ تله دكوبل دان دلنقن دباوه بيدغ كواس محكمه-محكمه شرعية. اوندغ-اوندغ ترسيوت بوكن سهاج بركاين دغن MATRIMONI اتاو احوال شخصية سفرتي اوندغ-اوندغ كلوارك اسلام فغلكل ٢١٧ دان ائكا فغاعنن كاني-كاني دالم اسلام فغلكل ٢٠٦ تتاي جوك بركاين دغن هرتا سفرتي فرينته هبه دان فرينته فمكغ فاجق كاداي، سهيغكله مياوا كقد فلقسنانن قانون جنايه شرعية ياي قانون حكومن جنايه شرعية فغلكل ٢٧٥.

جماعه يغ درحمتي الله،

محكمه-محكمه شرعية ملالوي فارا حاكمن اداله ترايكت دالم مومتوسكن دان مپلسايكن اف-اف جوا قرتيكانن ملالوي فغحاكمن دان منجانوهكن حكومن دغن برلندسكن اوندغ-اوندغ دان حكوم شرع سرتا سنتياس مغالكفن فييق-فييق اوتوق مپلسايكن قرتيكانن سجارا صلح اتاو قردامانن.

دغن فماتوهن كقد فرينسيغ-فرينسيغ كعادلن اينله دان دغن صيقتن سباكاي سبواه محكمه يغ KOMPETEN، مك ستياف حكومن دان فرينته صح يغ دكلواركن اوليه محكمه-محكمه شرعية دباوه اوندغ-اوندغ يغ اي بريديغ كواس اداله واجب دقاتوهي دان دلنقسنانن اوليه سموا فييق.

فنبوهن محكمه-محكمه شرعية اداله MANIFESTASI كوميتمنن دان الالتزام كراجان كباوه دولي يغ مها موليا دالم ممرتبكنن دان ملتقنن اوندغ-اوندغ اسلام دغمت يغ تيغكي. دغن ملقسنانن كحاكمن شرع دنكارا اين سفنوهن اداله اكن منداتغن رحمة كقد كيت سلاكو فندودوق يغ برليندوغ دباوه اوندغ-اوندغ شرع. قد ماس يغ سام ايان جوك اكن منداتغن كتنغن جيوا قد اورغ يغ برتيكاي يغ دسلساينن ملالوي فرويسس دان تانا جارا شرع، دسقيغ دافت مبري فلبساينن سكل بنتوق قرتيكانن تراوتام دالم مبريكن حق كقد يغ بنر-بنر برحق سرتا مغتنيكن سكل عنصو كظاليمن دان مبريكن حق اورغ يغ دظاليمي.

باكي سسبواه نكارا، اداله سلايكن مبريكن فغجرمنن ترهادف فلقسنانن حكوم شرع باكي منجامين فارا فندودوقن دري منجرويهي حق اورغ لاي

دان منجابولي باتس تكهن دان لارغن. ايان جوك مروفانن سومر كفتواتن قرتاهنن ماهوقون بيتيغ نكارا دالم منجامين كامانن، كعادلن دان كسجهتران. فرلقسنانن كحاكمن شرع اداله دافت منجامين كوجودن كستايبلن فمريتهنن دان سباسبه نكارا دسقيغ دافت مغورغنن فلاكووان جنايه دكالغن رعيتن. دغن ادن مشاركت دان فندودوق يغ ماسيغ-ماسيغ مغعملكن دان برقكغ كقد فغجياتن شرع دالم ملاكوكن كبايكن دان منجاوي كبوروقن ماهوقون ستياف لارغن اكن مياوا كقد اصلاح (فمبايكن) دان مغايلقنن اف-اف يغ مياوا كقد كموسنهن دالم كهيدوقن. جوسزو، اكن وجودله كامانن، كسجهتران، كدامانن دالم كهيدوقن دان كعادلن برنكارا دان برمشاركت.

جماعه يغ درحمتي الله،

ايغته، بهوا سسياف جوا يغ اخلاص نيتن دالم منقنن كبرنن كران الله ﷺ سمات-مات والاوقون كاتس ديرين سنديري مك ممداييله الله ﷺ يغ اكن مليندوغين دان ميلامتكن دنيا دري كسستن دان جاوه دري مندافت بالسن بوروق داخيرة نني. الله ﷺ برفمان دالم سورة ص آية ٢٦:

واهاي داودا سسوعكوهن كامي تله منجاديكن ائكاو خليفة دومي، مك تشكله حكوم اتارا مانسي دغن بنر (عادل) دان جاغله ائكاو منوروت هاوا نفسو كران يغ دمكين ايت اكن ميستنن ائكاو درقد جالن الله. سسوعكوهن اورغ-اورغ يغ سست درقد جالن الله ايت، باكي مريك عذاب يغ برت دسبيكن مريك ملوقانن هاري فرهتوغن (هاري قيامه).

سسبواه سيستم كحاكمن تيدق اكن دافت برفوغسي دغن بايك جك مشاركت دنكارا ترسيوت تيدق CAKRA دغن فراتورن دان اوندغ-اوندغ يغ دكوبل. جوسزو، سلاكو رعيت دان فندودوق دنكارا اين، سلوروه ائگونتا مشاركت مغوياي فغكوغجواب اوتوق تروس مپوكوغ دان مندوكوغ سيستم كحاكمن شرعية دغن سنتياس ممتاوهي اف جوا اوندغ-اوندغ يغ برفواتكواس دمي ممستيكن كمعمورن دان كامانن دنكارا اين اكن تتف تروس دكجتي سمي بيلا-بيلا.

واهاي اورغ-اورغ يغ برلمان! طاعتله كامو كقد الله دان طاعتله كامو كقد رسول الله دان كقد "اولي الامر" (اورغ-اورغ يغ بركواس) درقد كالغن كامو. كمودين جك كامو برتبه-بته (برسليسيهن) دالم سسواتو فركارا، مك كمالينكته كقد (كتاب) الله (القرآن) دان (سنة) رسولن، جك كامو بنر برلمان كقد الله دان هاري اخيرة. يغ دمكين ايت اداله ليه بايك (باكي كامو) دان ليه ايلوق فولا كسودهنن. { سورة النساء آية: ٥٩ }

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ اللهُ الْعَظِيمُ لِي وَلَكُمْ وَلِسَانِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِإِنجَاءِ النَّابِئِينَ.

# MAJLIS RAMAH MESRA AIDILFITRI ERATKAN SILATURAHIM PENDUDUK MUKIM SERASA

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Azmah Haji Ahad



**KEMERIAHAN** Majlis Ramah Mesra Aidilfitri anjuran Majlis Perundingan Mukim Serasa yang diadakan baru-baru ini, dengan kehadiran lebih 200 orang penduduk kampung dan sekitarnya (atas, bawah dan bawah kanan).

**MUARA**, Sabtu, 4 April. - Suasana penuh kemeriahan dan muhibah jelas terserlah pada Majlis Ramah Mesra Aidilfitri anjuran Majlis Perundingan Mukim Serasa yang diadakan baru-baru ini, dengan kehadiran lebih 200 orang penduduk kampung dan sekitarnya.

Majlis berkenaan diadakan sebagai salah satu inisiatif bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan masyarakat setempat di samping

menyemarakkan sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan suasana penuh harmoni dan kebersamaan. Hadir selaku tetamu kehormat, Penasihat Majlis Perundingan Kampung Serasa, Yang Dimulihkan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang. Mohd. Tawih bin Abdullah dan isteri.

Juga hadir ialah pemimpin-pemimpin akar umbi, Ahli Majlis Perundingan Kampung, serta penduduk Mukim Serasa



**PENASIHAT** Majlis Perundingan Kampung Serasa, Yang Dimulihkan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang. Mohd. Tawih bin Abdullah hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ramah Mesra Aidilfitri.

yang terdiri daripada pelbagai lapisan usia, sekali gus mencerminkan semangat perpaduan yang kukuh dalam komuniti berkenaan.

Pada malam tersebut juga diserikan dengan pelbagai aktiviti menarik seperti persembahan lagu raya, lawatan ke pondok-pondok yang dihias dengan kreativiti masing-masing serta penyampaian beberapa penghargaan sebagai tanda penghormatan kepada warga masyarakat Mukim Serasa.

Semangat kerjasama yang

ditunjukkan melalui penganjuran majlis ini amat bersesuaian dengan tema sambutan tahun ini, 'Syawal Diraih, Jasamu Dikenang, Ukhuwwah Diperkukuh', yang menekankan kepentingan menghargai jasa serta memperkukuh hubungan silaturahim dalam kalangan masyarakat.

Acara tersebut turut memberi peluang kepada para penduduk untuk saling berinteraksi dan memperkukuh hubungan kejiwaan.

Penganjuran majlis seumpama

ini juga diharap dapat terus memupuk semangat kerjasama dan keprihatinan dalam kalangan masyarakat, di samping menggalakkan penglibatan aktif penduduk dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dianjurkan oleh Majlis Perundingan Mukim.

Majlis Ramah Mesra Aidilfitri ini mencerminkan komitmen berterusan Majlis Perundingan Mukim Serasa dalam memperkasa hubungan sosial serta mengekalkan nilai-nilai murni yang menjadi teras keharmonian masyarakat di negara ini.



## Memperkukuh penghayatan Al-Quran dalam kalangan pelajar

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



**RIMBA**, Sabtu, 4 April. - Bagi melahirkan masyarakat celik Al-Quran serta membudayakan amalan membaca dan mengkhatamkan Al-Quran dalam kehidupan seharian, selaras dengan hasrat merealisasikan generasi

Al-Quran dan Negara Zikir, Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah pagi tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi pelajar Tahun 10 Fast Track dan Tahun 11. Majlis yang diadakan di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan

**SEKITAR** Majlis Khatam Al-Quran bagi pelajar Tahun 10 Fast Track dan Tahun 11 (kanan dan kiri).

disertai oleh seramai 240 pelajar yang telah berjaya mengkhatamkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran.

Hadir selaku tetamu khas majlis, Pemangku Penolong Pengarah (Institut Pengajian), Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Hajah Noor Rasidah binti Haji Sharbini. Majlis juga dihadiri oleh para jemputan khas dari JPI, KHEU, serta ibu bapa dan penjaga pelajar.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam serta bacaan Takhtim Al-Quran. Seterusnya, Doa Khatam dibacakan oleh Awang Muhammad Ilham Haqiqie bin Abdullah Muhd. Kelali. Acara turut diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban



oleh para pelajar Tahun 10 serta upacara merenjis minyak wangi oleh tetamu khas majlis. Majlis turut menyaksikan penyampaian sijil khatam Al-Quran oleh tetamu khas majlis kepada para pelajar yang diraikan sebelum diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Awang Muhamad Adi Adham bin

Ramlan. Penganjuran majlis berkenaan bertujuan untuk memperkukuh penghayatan Al-Quran dalam kalangan pelajar agar dijadikan sebagai pedoman hidup. Selain itu, ia juga bertujuan meningkatkan kerjasama antara pihak sekolah, ibu bapa dan penjaga dalam usaha melahirkan pelajar yang cemerlang di dunia dan akhirat.

# Hari KESIHATAN SEDUNIA



## Awal yang sihat, masa depan penuh harapan

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Ilustrasi : Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

**H**ARI Kesihatan Sedunia disambut pada setiap 7 April di seluruh dunia sempena memperingati penubuhan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organisation - WHO) di mana tahun ini adalah genap 78 tahun usia penubuhannya. Dalam pada itu, sambutan tahun ini dilihat sebagai peluang untuk mengimbas kembali kejayaan-kejayaan kesihatan awam yang telah meningkatkan kualiti hidup di sepanjang tujuh dekad yang lalu dan juga sebagai peluang untuk memotivasikan tindakan bagi menangani cabaran kesihatan pada masa ini dan masa akan datang.

World Health Day atau Hari Kesihatan Sedunia, adalah inisiatif yang melibatkan semua orang, dan masyarakat umum di berbagai negara untuk memusatkan perhatian pada satu isu kesihatan yang memberi kesan global. Hari Kesihatan Sedunia memberikan peluang untuk memulakan tindakan bersama demi melindungi kesihatan dan kesejahteraan

masyarakat secara keseluruhan. Penyakit di dunia ini sangat beragam dan meliputi berbagai kondisi mulai dari penyakit menular seperti flu dan demam berdarah, hingga penyakit tidak menular seperti diabetes dan penyakit jantung. Dengan banyaknya penyakit, sangat penting bagi kita untuk mengambil langkah-langkah pencegahan agar tidak terkena kepada kesannya.

Dengan adanya peringatan Hari Kesihatan Sedunia, masyarakat diharapkan menjadi lebih sadar akan pentingnya menjaga dan meningkatkan kesihatan tubuh untuk meminimalisasikan terkesannya penyakit-penyakit yang tidak diinginkan. Apa yang mustahaknya semua individu perlu mempunyai akses kepada penjagaan kesihatan tanpa mengambil kira latar belakang.

Pada hari ini, Negara Brunei Darussalam (NBD) bersama-sama masyarakat antarabangsa meraikan Hari Kesihatan Sedunia di mana Kerajaan mengiktiraf hak

untuk kesihatan sebagai hak asasi manusia yang penting bagi mencapai kehidupan yang bermaruah. Hak untuk kesihatan ini seharusnya dinikmati oleh setiap orang secara saksama tanpa mengira status atau sebarang perbezaan dan diskriminasi agar setiap orang di mana sahaja boleh mencapai tahap kesihatan dan kesejahteraan tertinggi.

Menjelang 2030, WHO menyasarkan negara-negara di dunia untuk melaksanakan pendekatan kesihatan sejagat yang inklusif dan tidak mendiskriminasi. Bahkan di negara kita, memerlukan pengukuhan dasar kesihatan yang memberi tumpuan kepada tiga aspek utama iaitu Pendidikan kesihatan sejak usia muda, penyediaan perkhidmatan kesihatan mental yang mudah diakses serta penguatkuasaan ketat terhadap pencemaran udara dan air.

Inisiatif untuk menggalakkan gaya hidup aktif dan pemakanan sihat di tempat kerja atau komuniti, termasuk menyediakan kemudahan senaman, ruang rehat dan rawat atau aktiviti fizikal boleh dijadikan budaya dalam organisasi. Pendidikan mengenai pemakanan seimbang dan aktiviti fizikal juga

perlu dimulakan sejak usia muda, dengan program pendidikan di sekolah. Pendekatan menyeluruh ini bukan sahaja meningkatkan kesejahteraan rakyat, tetapi juga membantu mengurangkan beban pada sistem kesihatan negara pada masa hadapan.

Untuk mencapai Liputan Sejangat pula ia bukan sekadar mengembangkan liputan perkhidmatan, akan tetapi ia memerlukan transformasi dalam sistem penjagaan kesihatan dan memerlukan pendekatan inovatif, dasar dan peraturan yang kukuh, pelaburan yang berdaya tahan untuk membina sistem kesihatan yang teguh dan inklusif bagi memenuhi evolusi keperluan penduduk di NBD dan juga di seluruh dunia.

Pada Hari Kesihatan Sedunia ini juga, kita sewajarnya memperbaharui komitmen terhadap prinsip keadilan dan kesaksamaan dalam kesihatan dan bekerjasama merentas sektor dan sempadan untuk membangun sistem kesihatan yang inklusif tanpa terdapat apa-apa perbezaan dan kesihatan yang kita hulurkan bukan hanya semata-mata sebagai kewajiban moral, malah ia adalah pelaburan strategik bagi masa depan bersama.



# MAJLIS RAMAH MESRA AIDILFITRI ERATKAN SILATURAHIM AHLI MPK

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman



MAJLIS Perundingan Kampung (MPK) Kawasan 2 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor Mengkubau semasa menganjurkan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri dengan gabungan bersama MPK Kawasan 1 RPN Panchor Mengkubau (atas, kiri dan bawah kiri).

**TANAH JAMBU**, Sabtu, 4 April. - Kemeriahan Aidilfitri masih dirasakan walaupun bulan Syawal sudah memasuki minggu ketiga dengan pelbagai pihak terus menganjurkan rumah terbuka serta Majlis Hari Raya.

Sehubungan itu, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan 2 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor Mengkubau telah menganjurkan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri dengan gabungan bersama MPK Kawasan 1 RPN Panchor Mengkubau yang diadakan di Dewan Muafakat Peladang, Kampung Tanah Jambu.

Hadir pada majlis berkenaan, Ketua Kampung Kawasan 2 RPN Kampung Panchor Mengkubau, Awang Haji Eddie Hardey bin Haji Ibrahim; dan Pemangku Ketua Kampung Kawasan 1, RPN Kampung Panchor Mengkubau, Awang Md. Zulkhairi bin Haji Junaidi.

Majlis bertemakan ala busana berkenaan antara lain bertujuan untuk

menceriakan serta mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan Ahli-ahli MPK di kedua-dua kawasan RPN Kampung Panchor Mengkubau.

Turut memeriahkan suasana majlis berkenaan ialah persembahan nyanyian serta cabutan nama bertuah.



**Selamatkan Usus Awda.**  
*Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.*

Kementerian Kesihatan  
MINISTRY OF HEALTH

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa\* Doktor awda hari ini atau layari [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn)

PENGESAHAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA  
*Selamatkan Rias Awda*

\*Sasaran pemeriksaan:  
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

## Memperkukuh kesejahteraan komuniti, kesiapsiagaan hadapi situasi kecemasan



MELALUI Program Pulse of Humanity berkenaan, para peserta bukan sahaja dapat memahami kepentingan nilai kemanusiaan, malah berupaya mengaplikasikan pengetahuan pertolongan cemas dalam kehidupan seharian serta bersedia untuk bertindak dalam situasi kecemasan (atas dan kanan).

**TUTONG**, Sabtu, 4 April. - Platun 6 Bulan Sabit Merah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) baru-baru ini berjaya melaksanakan Program Wajib Khidmat Masyarakat bertajuk 'Pulse of Humanity : PBSM Roadshow' yang diadakan di Ma'had Islam Brunei.

Program berkenaan merupakan satu inisiatif berterusan yang selaras dengan aspirasi Sustainable Development Goals (SDGs), khususnya dalam memperkukuh kesejahteraan

komuniti serta kesiapsiagaan dalam menghadapi situasi kecemasan.

Program tersebut turut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan dalam kalangan pelajar mengenai peranan Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam (BRC), khususnya dalam aspek kemanusiaan dan pertolongan cemas di Negara Brunei Darussalam, di samping memberikan pendedahan kepada penggunaan peralatan kecemasan

yang lazim digunakan dalam situasi sebenar.

Penganjuran program berkenaan telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para pelajar serta pihak institusi yang terlibat. Komitmen tinggi, baik dari segi fizikal mahupun mental, yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Platun 6 Bulan Sabit Merah UNISSA turut menjadi faktor utama kejayaan pelaksanaan jerayawara berkenaan.

Pihak BRC juga telah memberikan sokongan dengan

Siaran Akhbar dan Foto: Universiti Islam Sultan Sharif Ali



meminjamkan peralatan kecemasan seperti CPR Dummy dan AED Training Device sebagai bahan pembelajaran, sekali gus memberi pendedahan awal kepada para pelajar mengenai penggunaan peralatan serta prosedur asas dalam situasi kecemasan.


Sepanjang program berlangsung, pelbagai aktiviti telah diadakan, termasuk sesi penerangan mengenai peranan dan fungsi BRC, demonstrasi pertolongan cemas, serta latihan praktikal yang memberi peluang kepada para peserta untuk

mempelajari teknik asas menyelamatkan nyawa.

Melalui Program Pulse of Humanity berkenaan, para peserta bukan sahaja dapat memahami kepentingan nilai kemanusiaan, malah berupaya mengaplikasikan pengetahuan pertolongan cemas dalam kehidupan seharian serta bersedia untuk bertindak dalam situasi kecemasan.

Ini merupakan sebagai usaha berterusan bagi Platun Bulan Sabit Merah UNISSA dalam membina masyarakat yang lebih peka, berpengetahuan dan bersedia membantu.

# GUNAKAN AI DENGAN ILMU, ETIKA, TANGGUNGJAWAB, NILAI YANG BETUL



**AWANG Hidayatallah Waqiyuddin bin Haji Mohiddin dan Awangku Hari bin Pengiran Hira semasa ditemu bual Pelita Brunei (kiri dan kanan).**

**BERAKAS**, Sabtu, 4 April. – Curahan kesyukuran dipanjatkan pastinya menjadi kenangan terindah yang tidak akan dapat dilupakan dalam kalangan para peserta yang berpeluang mewarnai detik-detik kemanisan terlibat dalam menjayakan persembahan pentas Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan juga kerabat diraja sebagai salah satu pengisian menarik Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), pagi tadi.

Seramai 140 pelajar yang terdiri daripada kanak-kanak Taman Asuhan Kanak-kanak, murid-murid Sekolah Rendah dan penuntut-penuntut Sekolah Menengah dengan pimpinan tenaga pengajar Sekolah YSHHB telah menyertai bahagian persembahan pentas di majlis berkenaan yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Sehubungan itu, Pelita Brunei berkesempatan menemui bual Penyelaras Bahagian Persembahan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1447H / 2026M anjuran YSHHB, Awang Hidayatallah Waqiyuddin bin Haji Mohiddin terdahulu meluahkan jiwa kesyukuran ke hadrat Allah

## Berita dan Foto : Nurdiyana Rajami

Subhanahu Wata'ala atas kesempatan menandai amanah dalam menyelaras bahagian persembahan pada majlis berkenaan yang mana ia adalah satu rezeki dan kesempatan yang begitu istimewa.

Ketika mengongsikan pandangan mengenai tema persembahan pada tahun ini ialah 'Inovasi AI : Pemangkin Pembangunan Masyarakat', beliau antaranya berkata tema ini sangat sesuai dengan keadaan semasa kerana AI memang semakin dekat dengan kehidupan

dan ia boleh membantu dalam banyak perkara, termasuk pembelajaran, komunikasi dan kreativiti.

"Dalam masa yang sama, kami juga ingin menegaskan bahawa AI hanyalah alat. Yang lebih penting ialah bagaimana manusia menggunakannya dengan ilmu, etika, tanggungjawab dan nilai yang betul.

"Bagi saya, segala yang baik datang daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Idea, ilham, kebolehan berfikir, dan kreativiti itu semuanya datang dengan izin-Nya. Jadi melalui tema ini, kami ingin menunjukkan bahawa teknologi boleh membantu manusia, tetapi manusia tetap perlu dipandu oleh iman, akhlak dan tujuan yang betul," tambahnya yang merupakan Ketua Guru Kanan Sekolah Menengah YSHHB.

Awang Hidayatallah Waqiyuddin turut menjelaskan, secara keseluruhannya, persembahan pada tahun ini dibina dalam fokus erti sebenar menyambut Aidilfitri dalam bentuk jalan cerita kekeluargaan yang dekat dengan kehidupan masyarakat kita, khususnya dalam suasana Hari Raya. Ada unsur refleksi, unsur santai, humor dan juga sentuhan emosi supaya mesejnya mudah difahami dan dirasakan oleh semua.

"Cerita dan lagu-lagu yang dibawakan mengandungi mesej tentang makna sebenar Aidilfitri tentang syukur, silaturahmi, kasih sayang, memohon maaf, menghargai keluarga, dan juga bagaimana teknologi seperti AI boleh dimanfaatkan secara baik dalam

kehidupan moden.

"Alhamdulillah, keseluruhan jalan cerita dan lagu pada tahun ini memang dikurasi dengan bantuan AI, tetapi AI itu hanya membantu dari segi sokongan. Yang mencetuskan idea, memberi arah, membentuk mesej dan menjadikannya sesuai dengan jiwa persembahan ini tetap datang daripada kreativiti manusia, ilham yang Allah beri dan usaha ramai pihak untuk menjadikannya satu realiti di atas pentas," ujarnya.

Menyentuh berkaitan keistimewaan dalam pengisian yang dimuatkan dalam persembahan, beliau berkata kelainan persembahan tahun ini ialah mereka cuba membawa tema AI dalam Sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan cara yang seimbang dan dekat dengan penonton.

"Kami tidak mahu AI dilihat hanya sebagai sesuatu yang canggih, tetapi sebagai alat yang boleh dimanfaatkan dengan bijak. Keistimewaan ialah pada keseimbangan itu sendiri. Walaupun ada unsur inovasi, robotik dan penggunaan AI dalam penghasilan idea, lagu dan penceritaan, kami tetap mahu mengekalkan inti pati erti sebenar Aidilfitri iaitu kembali kepada keluarga, kepada rasa syukur dan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

"Pada saya, itu yang paling penting. Kita boleh menerima teknologi, tetapi jangan sampai ia menenggelamkan adab, budaya dan makna sebenar sambutan itu. AI membantu, tetapi yang menghidupkan persembahan itu ialah manusia dengan ilham yang Allah beri, dengan latihan, komitmen dan kerjasama ramai pihak," tambahnya.

Dalam pada itu, Awang Hidayatallah Waqiyuddin juga menaruh harapan dengan adanya persembahan berkenaan, para peserta dan juga semua yang hadir dapat melihat bahawa inovasi seperti AI boleh membawa manfaat kepada masyarakat jika digunakan dengan ilmu, tanggungjawab dan nilai yang betul.



**ANTARA peserta yang turut terlibat menjayakan persembahan pada majlis tersebut.**

"Dalam masa yang sama, saya juga berharap semua dapat memahami bahawa di sebalik persembahan ini, bukan teknologi sahaja yang memainkan peranan. Apa yang benar-benar menjadikan semuanya satu realiti ialah ilham yang Allah Subhanahu Wata'ala kumiakan, usaha manusia, kerja keras berbulan-bulan, latihan, kesabaran serta *teamwork* antara jurulatih, guru-guru daripada ketiga-tiga sekolah, para pelajar dan juga sokongan ibu bapa," ujar beliau.

Turut ditemu bual ialah salah seorang pelajar Sekolah Menengah YSHHB dalam Tahun 10F, Dayang Akhmal Sarah Waheedah binti Ismail yang antaranya mengongsikan dirinya telah menggalas peranan sebagai penyanyi bersama rakan-rakan, dengan mempersembahkan beberapa buah lagu bertemakan kemeriahan Aidilfitri bagi menyemarakkan lagi suasana majlis tersebut.

"Saya berasa amat teruja kerana diberikan peluang yang cukup istimewa untuk mengisi segmen persembahan serta memeriahkan lagi Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran YSHHB pada tahun ini. Saya juga berasa sangat bersyukur dan berbesar hati atas kepercayaan yang diberikan, apatah lagi berpeluang membuat persembahan Kehadapan Majlis

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja," luahnya penuh kesyukuran.

Dayang Akhmal Sarah Waheedah turut menambah pengalaman berkenaan merupakan pengalaman pertama bagi dirinya terlibat dalam persembahan di majlis seumpama itu. Pastinya, insan ini juga meluahkan perasaan kagum apabila menyaksikan dedikasi, komitmen serta ketabahan para guru, pelatih dan seluruh kakitangan dalam memastikan kelancaran dan kejayaan majlis pada hari tersebut.

Salah seorang peserta yang memegang watak-watak sebagai seorang adik dalam persembahan segmen drama di majlis berkenaan, Awangku Hari bin Pengiran Hira juga berkesempatan mengongsikan kepada Pelita Brunei bahawa meskipun pengalaman sedemikian merupakan kali ketiga namun rasa gementar itu pasti ada namun begitu, setelah mendapat tunjuk ajar daripada guru dan jurulatih serta berlatih bersama rakan-rakan, perasaan gementar itu semakin berkurangan.

"Saya berasa sangat gembira kerana diberi peluang untuk bertemu dan membuat persembahan di hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta kerabat diraja," ujarnya yang merupakan seorang pelajar Tahun 5 Mercury di Sekolah Rendah YSHHB.

Pada akhir temu bual, Awangku Hari bin Pengiran Hira turut tidak ketinggalan mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Kehadapan Majlis Kebawah DYMM serta kerabat diraja kepada semua yang mengenali dirinya.



**DAYANG Akhmal Sarah Waheedah binti Ismail semasa ditemu bual Pelita Brunei.**



## KUIZ PENERANGAN

ANJURAN JABATAN PENERANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI  
SEMPENA SAMBUTAN MEMPERINGATI PENUBUHAN JABATAN PENERANGAN  
KE-74, TAHUN 2026

### SIRI PERTAMA

1. Apakah visi Jabatan Penerangan?  
A. Memperkukuhkan Ekonomi Negara  
B. Membudayakan Masyarakat Bermaklumat  
C. Melahirkan Generasi Berdaya Saing  
D. Menjana Transformasi Digital
2. Bilakah Jabatan Penerangan mula ditubuhkan?  
A. 1 Januari 1950  
B. 1 April 1952  
C. 15 Februari 1956  
D. 2 Mei 1957
3. Salah satu bahan terbitan kanak-kanak yang diterbitkan oleh Jabatan Penerangan ialah :  
A. Alai Ginis  
B. Mekar  
C. Goosebumps  
D. InfoKu

4. Apakah tujuan utama penubuhan akhbar Pelita Brunei?  
A. Menyiaran berita hiburan  
B. Menyampaikan maklumat rancangan dan dasar kerajaan  
C. Mempromosikan pelancongan sahaja  
D. Menjual produk tempatan

5. Pusat Rujukan Penerangan dibuka kepada orang ramai untuk tujuan apa?  
A. Membeli buku teks sekolah  
B. Mengadakan majlis rasmi  
C. Membuat kajian dan rujukan  
D. Menyewa dewan

### SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. Kuiz dibukakan kepada orang ramai berumur 12 tahun dan ke atas (kecuali pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan serta ahli keluarga).
2. Hanya dibenarkan menghantar satu penyertaan sahaja.
3. Sila hantarkan jawapan berserta maklumat di bawah dengan betul dan lengkap ke alamat e-mel berikut: [pr@information.gov.bn](mailto:pr@information.gov.bn)

### KETERANGAN PESERTA

Nama: \_\_\_\_\_  
No. Kad Pengenalan: \_\_\_\_\_  
Tarikh lahir & Umur: \_\_\_\_\_  
Nombor Telefon: \_\_\_\_\_

### HADIAH PEMENANG

- Pemenang adalah dihadkan kepada lima pemenang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai yang berjaya menjawab dengan tepat.
- Para pemenang akan menerima hadiah berupa baucer bernilai BND50 setiap seorang.
- Para pemenang akan dihubungi untuk mengambil hadiah.

TARIKH TUTUP PENYERTAAN

**SABTU, 11 APRIL 2026**

6 April 2026 dan 13 April 2026



## ANKARA NAFI PESAWAT F-15 AS DITEMBAK SISTEM PERTAHANAN UDARA BUATAN REPUBLIK TURKIYE



ISTANBUL, 5 April. - Republik Turkiye pada Sabtu menolak dakwaan bahawa sistem pertahanan udara buatannya menembak jatuh sebuah jet pejuang F-15 Amerika Syarikat (AS).

Republik Turkiye turut menafikan dakwaan bahawa ia membekalkan Republik Islam Iran dengan peluru berpandu antipesawat dan UAV canggih, lapor Anadolu Ajansi.

Menurut Pusat Memerangi Salah Maklumat Turkiye, dakwaan di beberapa akaun media sosial yang mendakwa negara itu membekalkan Republik Islam Iran dengan peluru berpandu anti-pesawat dan UAV canggih serta laporan jet pejuang F-15 AS ditembak oleh sistem pertahanan udara buatan Turki, adalah tidak berasas.

Menyedari bahawa siaran di

platform media sosial tertentu tidak mencerminkan kebenaran, agensi itu memberi amaran bahawa ia adalah "serangan perang psikologi yang disengajakan dan propaganda hitam" untuk menjejaskan peranan pengantara Republik Turkiye dalam krisis dan usahanya tertumpu pada keamanan dan diplomasi.

Republik Turkiye telah menunjukkan pendirian yang

meletakkan keamanan dan kestabilan dalam semua proses serantau sebagai keutamaan, menurut agensi itu sambil menekankan bahawa inisiatif berkenaan di media sosial adalah untuk mengelirukan masyarakat antarabangsa.

"Aktiviti salah maklumat berniat jahat seperti itu bertujuan untuk memanipulasi pendapat umum dan

menjejaskan keseimbangan sensitiviti di rantau ini tidak sepatutnya dipercayai. Adalah amat penting untuk terus berwaspada terhadap kenyataan spekulatif daripada sumber bukan rasmi," tambahnya. - ©BERNAMA

## Australia kekal berteka-teki mengenai laporan hantar tentera ke Asia Barat

ISTANBUL, 4 April. - Australia memilih untuk terus berteka-teki berhubung laporan mengenai penghantaran tenteranya ke Asia Barat ketika konflik yang dicetuskan oleh Amerika Syarikat (AS) dan Israel terhadap Iran masih berterusan, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Walaupun kerajaan memaklumkan bahawa ia telah memenuhi permintaan Emiriah Arab Bersatu (UAE) dengan menghantar sebuah pesawat tentera, Canberra enggan mengesahkan sama ada anggota tentera turut dikerahkan.

"Kami tidak mengulas mengenai pergerakan pasukan khas kami, namun biar saya jelaskan: kami tidak menempatkan anggota di Iran, dan perkara itu telah kami jelaskan sejak awal konflik ini," kata Menteri Pertahanan Richard Marles kepada pemberita pada Jumaat.

Ketegangan di Asia Barat semakin memuncak sejak AS dan Israel melancarkan serangan bersama ke atas Iran pada 28 Feb. Tehran kemudian bertindak balas dengan menyasarkan pangkalan tentera AS dan aset lain di rantau Teluk.

Marles tidak menjawab secara langsung soalan berhubung laporan media bahawa Rejimen Perkhidmatan Udara Khas (SAS) telah ditempatkan di Pangkalan Udara Al Minhad di UAE.

"Pendirian kerajaan adalah untuk memberikan sokongan kepada negara-negara Teluk. Kami telah memenuhi permintaan Emiriah Arab Bersatu; pesawat E-7 Wedgetail kami kini berada di rantau itu bagi memberikan sokongan berkenaan, namun kami tidak menempatkan anggota di darat di Iran," katanya.

Tabloid Australia Herald Sun melaporkan pada Khamis bahawa

satu kontinjen kecil terdiri daripada kira-kira 90 anggota SAS dihantar ke rantau Asia Barat dua minggu lalu.

Menurut laporan itu, anggota berkenaan berkemungkinan besar dihantar ke Pangkalan Udara Al Minhad di selatan Dubai.

Menteri Komunikasi Anika Wells juga tidak menolak laporan bahawa Australia telah menghantar anggota pasukan khas elit ke Asia Barat apabila ditanya dalam program ABC News Breakfast pada Jumaat.

"Saya mahu meyakinkan rakyat Australia bahawa kami tidak terlibat dalam tindakan ofensif di luar negara di Iran," katanya.

"Sudah tentu, butiran khusus mengenai bila dan di mana aset dikerahkan di rantau itu, seperti yang anda boleh jangkakan adalah hal operasi dan saya tidak boleh mengulas mengenainya," kata Wells. - ©BERNAMA

## Lelaki serah diri lepas cetus kebakaran di lintasan Shibuya Tokyo

TOKYO, 4 April. - Seorang lelaki menyerah diri di sebuah balai polis di Tokyo pada Jumaat sambil mendakwa bertanggungjawab menyalakan cecair mudah terbakar tidak lama sebelum itu di lintasan ikonik di luar Stesen Shibuya, menurut polis, lapor Kyodo News.

Kira-kira 9 malam (waktu tempatan), seorang lelaki bertindak mencurahkan cecair di atas tanah di lintasan berkenaan sebelum menyalakannya menggunakan pemetik api.

Kira-kira 20 minit kemudian, seorang lelaki berusia lingkungan 50-an yang dipercayai bertanggungjawab tampil di balai polis berhampiran, menurut polis.

Kebakaran itu bagaimanapun tidak menyebabkan kecederaan dan berjaya dipadamkan oleh anggota polis. - ©BERNAMA

## Semeru meletus, abu gunung berapi cecah 1km

JAKARTA, 4 April. - Gunung Semeru di wilayah Jawa Timur, Republik Indonesia meletus sembilan kali awal Sabtu, dengan abu mencecah setinggi 1,000 meter.

Pegawai Pos Pemerhatian Gunung Berapi Semeru, Liswanto berkata gunung berapi itu kali pertama meletus pada 12.07 tengah malam waktu tempatan, manakala letusan terbaharu berlaku pada 6.22 pagi.

Kedua-dua letusan itu menghasilkan abu setinggi 700 meter di atas puncak.

Letusan paling kuat direkodkan pada 5.19 pagi, iaitu letusan kelapan, dengan abu mencapai kira-kira 1,000 meter di atas puncak, kata beliau seperti dipetik agensi berita ANTARA.

Gunung Semeru, yang berketinggian 3,676 meter dari aras laut ialah gunung berapi tertinggi di wilayah itu dan kekal pada Status Tahap III (Amaran). - ©BERNAMA

## Republik Korea sambung semula operasi reaktor nuklear Gori-2

SEOUL, 4 April. - Republik Korea menyambung semula operasi reaktor Gori-2 pada Sabtu, tiga tahun selepas digantung bagi pemeriksaan keselamatan dan penambahbaikan kemudahan, lapor Yonhap News memetik pengendali reaktor nuklear negara itu.

Reaktor nuklear di Loji Kuasa Nuklear Gori yang terletak di Busan, 325 kilometer di tenggara Seoul mula beroperasi secara komersial pada April 1983 sebagai reaktor nuklear ketiga negara itu. Bagaimanapun, permit selama 40 tahun tamat pada April 2023 dan operasinya digantung bagi pemeriksaan keselamatan serta penambahbaikan yang diperlukan sebelum kemudahan itu boleh kembali beroperasi.

Korea Hydro & Nuclear Power Co., yang mengendalikan reaktor itu, memperoleh kebenaran pada November lepas untuk memulakan semula operasi reaktor nuklear berkenaan. - ©BERNAMA

Abdul Muhari berkata pihak berkuasa di Demak membuka pusat pemindahan di masjid,

pejabat kerajaan dan kemudahan komuniti lain di desa yang terjejas. - ©BERNAMA

## ITF lancar ekosistem digital, transformasi tadbir urus, pertandingan

KUALA LUMPUR, 4 April. - Persekutuan Taekwon-Do Malaysia (ITF) hari ini melancarkan ekosistem digital komprehensif yang mentransformasikan tadbir urus, pensijilan dan landskap pertandingan sukan di tanah air.

Naib Presiden ITF Datuk Shahir Husein Kalid berkata pelancaran itu menandakan detik penting kepada persekutuan apabila satu sistem digital menyeluruh diperkenalkan bagi menjejak perjalanan atlet dari peringkat asas hingga ke tahap elit.

"Hari ini ialah hari yang penting untuk ITF kerana kita melancarkan satu ekosistem digital seseorang atlet bermula dari peringkat tali

pinggang putih sehingga ke pemilihan mewakili negara," katanya pada sidang media di Institut Sukan Negara di sini hari ini.

Beliau berkata sistem itu mampu merekodkan setiap pencapaian atlet termasuk tahap tali pinggang, prestasi, jurulatih dan penyertaan pertandingan secara masa nyata sekali gus memudahkan proses pemilihan ke peringkat antarabangsa.

Beliau berkata kaedah manual yang digunakan sebelum ini bukan sahaja menimbulkan isu integriti dan ketelusan malah menyukarkan proses pengesanan maklumat atlet.

"Sistem itu menampilkan pemarkahan elektronik, penyiaran keputusan secara langsung serta pengiraan ranking automatik yang turut digunakan pada peringkat kejohanan dunia.

"Dengan sistem digital ini, kita dapat meningkatkan integriti, ketelusan, kebolehejakan serta rujukan selain mengelakkan isu sijil palsu atau maklumat tidak tepat," katanya.

Dalam pada itu, Shahir berkata pembangunan sistem berkenaan turut disokong oleh geran padanan kerajaan berjumlah RM65,000 yang membantu sebahagian kos pembangunan perisian. - ©BERNAMA

## 2,839 penduduk dipindahkan akibat banjir di Demak, Republik Indonesia

JAKARTA, 4 April. - Seramai 2,839 penduduk dipindahkan akibat banjir di Demak, wilayah Jawa Tengah, susulan hujan lebat selama beberapa hari serta limpahan Sungai Tuntang.

Ketua Pusat Data, Maklumat dan Komunikasi Bencana Agensi Pengurusan Bencana Nasional Indonesia (BNPB) Abdul Muhari berkata setakat 9 pagi waktu tempatan Sabtu, banjir telah menenggelamkan beberapa

kawasan rendah selain menyebabkan benteng pecah, sekali gus memaksa penduduk berpindah ke beberapa pusat perlindungan sementara.

Beliau berkata keadaan bertambah buruk selepas benteng runtuh di beberapa lokasi di kecamatan Guntur, khususnya di desa Trimulyo dan Sidoharjo, menyebabkan air membanjiri kawasan perumahan dan tanah pertanian.

Penilaian awal menunjukkan banjir menjejaskan lapan desa di empat kecamatan iaitu Guntur, Karangtengah, Wonosalam dan Kebonagung, katanya dalam satu kenyataan.

Menurut beliau, paras air di sesetengah kawasan khususnya di desa Trimulyo dan Ploso, mencecah sehingga 150 sentimeter, menyebabkan jalan raya tidak dapat dilalui kenderaan ringan dan menjejaskan aktiviti harian.



ePaper Pelita Brunei



## MS ABDB TUMPASKAN RIMBA STAR FC, 4-3

PERSAINGAN sengit antara Rimba Star FC dan MS ABDB pada perlawanan Liga Super Brunei 2025/2026 (kanan dan kanan sekali).

**BERAKAS**, Sabtu, 4 April. - Persaingan sengit antara Rimba Star FC dan MS ABDB pada perlawanan Liga Super Brunei (BSL) 2025/2026 berlangsung malam ini di Padang Kompleks Sukan.

MS ABDB berjaya menewaskan Rimba Star FC dengan kedudukan 4 - 3 pada perlawanan berkenaan.

Pada babak pertama perlawanan, Rimba Star FC mendahului MS ABDB 2 - 1, yang dijaringkan oleh Oscar Uchendu pada minit ke-18 dan ke-28, manakala gol MS ABDB dijaringkan oleh Hadif Aiman pada



minit ke-39.

Perlawanan babak kedua bertambah sengit lagi apabila Oscar Uchendu menambah satu gol lagi pada minit ke-77 untuk pasukannya Rimba Star FC.

Namun, kegembiraan pasukan tersebut terhenti setelah MS

ABDB bangkit menggegarkan gawang Rimba Star FC dengan menambah gol kedua mereka pada minit ke-85 oleh Saiful Ammar.

Selang lima minit kemudian, MS ABDB menyamakan kedudukan pada minit ke-90

**Oleh : Nooratini Haji Abas**

**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

menerusi Alif Munawar dan sekali gus menambah lagi gol kemenangan mereka pada minit tambahan hasil tendangan Awangku Halimudin.

Dengan perlawanan ini, MS ABDB berada dalam kedudukan keenam Liga Super Brunei 2025/2026 sementara Rimba Star FC berada di tangga ketujuh.

## Jerudong FC, Lun Bawang FC seri 1-1



ANTARA aksi perlawanan di antara Jerudong FC dengan Lun Bawang FC yang berkesudahan seri 1 - 1 (kiri dan kiri sekali).

**Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman**

**Foto : Mohammad Hasif Matzin**

**BERAKAS**, Sabtu, 4 April. - Saingan Liga Super Brunei bagi Musim 2025 / 2026 diteruskan lagi bagi minggu kesembilan dengan menyaksikan dua perlawanan dilangsungkan, kelmarin, menyaksikan pertembungan antara Jerudong FC dengan Lun Bawang FC manakala BSRC Football menentang Hawa FC.

Harapan Lun Bawang FC untuk

meraih kemenangan pertama dalam saingan Liga Super Brunei musim ini masih belum kesampaian apabila sekadar terikat seri 1 - 1 dengan Jerudong FC pada perlawanan yang berlangsung di Kompleks Sukan Berakas, di sini.

Sepuluh masa pertama menyaksikan perlawanan sengit dengan kedua-dua pasukan

saling berbalas serangan, namun Jerudong FC dilihat lebih banyak melancarkan percubaan ke arah pintu gol lawan.

Walaupun begitu, kekentalan benteng pertahanan Lun Bawang FC berjaya mengekang asakan bertali arus Jerudong FC, sekali gus memastikan kedudukan kekal tanpa jaringan sehingga tamat separuh masa pertama.

Memasuki babak kedua, Jerudong FC berjaya memecah kebuntuan pada minit ke-52

menerusi Mohammad Khairul Nazrin Mohd. Zamhari selepas penjaga gol Lun Bawang FC gagal mengawal keadaan dengan baik.

Lun Bawang FC bagaimanapun bangkit menyamakan kedudukan pada minit ke-60 menerusi Muhammad Andika Aqwan Muhammad Firdaus yang berjaya mengatasi kawalan pertahanan Jerudong FC sebelum menyempurnakan peluang dengan baik.

Kedua-dua pasukan terus

berusaha mencari gol kemenangan, namun keputusan 1 - 1 kekal sehingga wisel penamat, sekali gus menyaksikan kedua-dua pasukan berkongsi 1 mata.

Sementara itu, dalam perlawanan yang berlangsung di Padang BSRC pula, Hawa FC terpaksa akur apabila tewas 1 - 2 kepada BSRC Football.

Saingan minggu kesembilan akan diteruskan lagi pada Sabtu, 4 April 2026 menyaksikan Rimba Star FC menentang MS ABDB di Kompleks Sukan Berakas; manakala pada Ahad, 5 April 2026, KB FC bertemu Wijaya FC di Kompleks Sukan Arena dan Kasuka FC menentang Kota Ranger FC di Kompleks Sukan Berakas.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

**BERSYUKUR SERTA BERSABAR DALAM UJIAN HIDUP**